

# BAB KEEMPAT

## WACANA CERITA DALAM AL-QUR’AN

### 4.0. Pendahuluan

Al-Qur'an bukanlah kitab sejarah atau buku kesenian yang hanya menjurus kepada kisah-kisah para anbiya:' dan umat-umat yang terdahulu. Sebenarnya paparan mengenai kisah-kisah tersebut merupakan isyarat yang mempunyai ajaran yang tersirat di sebalik ayat-ayat penceritaan. Keseluruhan cerita dan kisah yang dimuatkan dalam al-Qur'an merupakan suatu wacana penceritaan yang tidak dapat disamakan dengan mana-mana cerita atau kisah yang disampaikan atau ditulis oleh manusia, sama ada melalui buku cerita yang berkaitan sejarah yang realiti, mahupun cereka-cereka rekaan.

Wacana cerita dalam al-Qur'an adalah suatu paparan kisah sejarah yang realiti, dan ianya disampaikan melalui wahyu Allah kepada Nabinya Muhammad (s.a.w). Ini ditegaskan oleh Allah melalui firmannya:

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْدَهُ يُوَحِّدُ

Maksudnya; “*Dan Dia (Muhammad (s.a.w) tidak memperkatakan sesuatu (yang berhubung dengan agama Islam) menurut kemauan dan pendapat sendiri. Segala apa yang diperkatakan itu (sama ada al-Qur'an ataupun Hadith), tidak lain melainkan wahyu yang disampaikan kepadanya.*” (Surah al-Najm, ayat 3).

Daripada ayat di atas dapat difahami bahawa setiap ucapan yang disampaikan oleh Nabi Muhammad (s.a.w) kepada umatnya adalah berdasarkan wahyu daripada Allah.

Dalam konteks ayat-ayat yang menyentuh mengenai penceritaan, al-Qur'an memuatkan suatu rentetan kisah sejarah yang benar. Pada pandangan Islam, sejarah mempunyai pengaruh yang besar terhadap kehidupan umat manusia dan masa depan mereka. Walaupun kisah-kisah tersebut sudah berlalu, namun ia tetap bersemadi di dalam kehidupan manusia, di samping ia dapat memainkan peranan yang penting secara tidak langsung dalam catatan sejarah hidup mereka. ('Abd. Al-Hami:d Mahmu:d Tahma:z, 1992; 71).

Memang menjadi suatu kebiasaan, manusia akan bertindak balas dengan peristiwa yang berlaku dalam kehidupan, sama ada mempengaruhi atau dipengaruhi. Dengan membaca dan meneliti sejarah kehidupan yang lampau, manusia dapat memperolehi banyak pengajaran dan pedoman. Oleh itu, sejarah diibaratkan sebagai cermin perbandingan yang kukuh bagi menempuh kehidupan yang penuh dengan ranjau dan rintangan.

#### **4.1. Wacana Cerita Dalam Al-Qur'an**

Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, wacana cerita yang dipaparkan dalam al-Qur'an merupakan peristiwa sejarah yang benar-benar berlaku. Peristiwa-peristiwa sejarah ini dinyatakan dalam bentuk penceritaan atau perkhabaran. Di antara ciri keindahan wacana cerita al-Qur'an ialah dengan memaparkan penceritaan dalam pelbagai bentuk dan gaya, seperti penggunaan *uslu:b khabariyy* (gaya bahasa perkhabaran) dan *uslu:b insya:'iy* (gaya bahasa pertuturan). Dengan kata lain, gaya dalam wacana cerita al-Qur'an berbentuk cakap pindah dan cakap ajuk, di samping penggunaan berbagai nada seperti seruan, suruhan, larangan dan sebagainya.

Apabila diperhatikan kepada ayat-ayat wacana cerita dalam al-Qur'an, dapat dibuat rumusan bahawa keseluruhan cerita dan kisah yang dipaparkan adalah meliputi sejarah kehidupan masyarakat yang berpusat di negara-negara Arab yang telah dibuktikan dalam sejarah tentang ketamadunannya yang tersendiri. Di samping itu, kedudukan geografi negara-negara Arab kuno terletak di pertengahan antara tiga benua yang berjiranan dengannya, iaitu Benua Asia, Benua Afrika dan Benua Eropah. Oleh itu, tidak hairanlah al-Qur'an memusatkan perhatian kepada sejarah masyarakat manusia yang berada di tanah-tanah Arab yang terkenal dengan kesuburan tanahnya dan kaya dengan tamadun umat. ('Abd. Hami:d Mahmu:d Tahma:z, 1992; 72).

Sejarah telah menyaksikan bahawa negara-negara Arab ini menjadi pusat tamadun yang berkembang dengan rakyat yang ramai dan pembangunan yang pesat. Memang telah menjadi sunnatullah bahawa masyarakat manusia mudah lupa terhadap tanggungjawab dan tujuan sebenar mereka dijadikan. Pembangunan dan tamadun yang dikecapi telah melalaikan mereka daripada beriman kepada Tuhan yang Maha Esa. Oleh itu, Allah mengutuskan para Nabi dan Rasul sebagai pembimbing masyarakat ke arah agama yang diredhainya.


#### **4.1.1. Watak-watak Dalam Wacana Cerita al-Qur'an**

Watak-watak ataupun tokoh-tokoh yang dipaparkan dalam wacana cerita al-Qur'an tidak hanya ditumpukan kepada manusia semata-mata, malah ia terdiri daripada kalangan malaikat, jin dan berbagai jenis binatang dan haiwan seperti burung, gajah, unta dan sebagainya. Kesemua watak-watak binatang yang dimuatkan itu dijadikan sebagai watak pembantu bagi menyokong jalan sesebuah slot cerita.

### i. Watak Burung dan semut yang melata

Peranan burung dalam wacana cerita al-Qur'an dimuatkan dalam kisah Nabi Sulaiman a.s. dengan burung hud- hud (belatok). Tugas yang dimainkan oleh hud- hud adalah sebagai pembawa berita kepada Nabi Sulaiman a.s. Oleh kerana sifat semulajadinya yang boleh terbang ke sana kemari dengan mudah, maka hud-hud bebas bergerak mencari berita untuk disampaikan kepada rajanya, iaitu Sulaiman a.s. Hud-hud memiliki kecerdasan otak dan deria yang amat tajam, di mana ia dapat mengesan kedudukan sebuah kerajaan yang besar di bawah pemerintahan raja perempuan yang bergelar ratu Balqis di negeri Saba:'. Watak yang dimainkan oleh hud-hud ini amat mengagumkan, sehingga Nabi Sulaiman a.s. sendiri tidak dapat mengetahui apa yang diketahui olehnya tentang seorang raja perempuan (Balqis) dan rakyatnya di negeri Saba:' yang menyembah matahari.

Ini dinyatakan oleh Allah menerusi FirmanNnya melalui lidah hud- hud:

فَمَكَثَ غَيْرَ بَعِيدٍ فَقَالَ أَحَطْتُ بِمَا لَمْ تُحَطْ بِهِ وَجِئْتُكَ مِنْ سَبَّا يَنْبَأُ  


Maksudnya: “Tidak lama kemudian, dia hud hud datang seraya berkata: “Aku mengetahui apa yang belum engkau (Sulaiman) ketahui, dan aku datang dari negeri Saba:’ membawa berita yang pasti”. (Surah al-Naml, ayat 22)

Sesunguhnya peristiwa dan kisah mengenai hud hud ini menjadi fenomena yang diciptakan supaya hud hud dapat memainkan peranannya dalam kisah tersebut secara efektif. Perlu diketahui bahawa apabila peranan penting dalam kisah-kisah tertentu

dipegang oleh seekor haiwan, maka haiwan tersebut berfungsi sebagai tokoh utama dalam menghidupkan jalan cerita. ( A.Khalafullah, 2002 : 208).

Begitu juga dengan kisah sang semut yang boleh bercakap dengan bahasa mereka yang boleh difahami oleh Nabi Sulaiman. Ini dapat dilihat menerusi firman Allah:

حَتَّىٰ إِذَا أَتَوْ عَالَمَيْ وَادِ اللَّهِ لِقَالَتْ نَمَلَةٌ  
يَتَأْمِنُهَا النَّمَلُ أَدْخُلُوا مَسْكِنَكُمْ لَا يَحْطِمَنَّكُمْ سَلِيمٌ مِّنْ وَجْهِنَّمِ وَهُمْ  
لَا يَشْعُرُونَ

۱۸

Maksudnya: “Sampai ketika mereka (Sulaiman dan tenteranya) sampai di lembah semut, seekor semut berkata: “Hai semut-semut sekalian! Masuklah ke dalam sarang-sarang kamu, supaya jangan dipijak oleh Sulaiman dan tentera-tenteranya, sedang mereka tidak menyadarinya”. (Surah al-Naml, ayat 18)

Dalam cerita rekaan manusia, menerusi filem-filem Barat ada menggunakan binatang sebagai watak utama seperti filem “Lasey Back for Home” yang menceritakan seekor anjing yang mempunyai kecerdasan dan kebijaksanaan sama seperti manusia. Seni penciptaan tokoh atau watak haiwan ini tidak hanya terdapat dalam kesusasteraan moden, malah ia juga terdapat dalam wacana sastera klasik seperti yang dimuatkan dalam “*Kalilat wa Dimnat*”. Dalam buku ini, terkandung cerita perumpamaan yang mengandungi pengajaran di mana burung-burung dan berbagai jenis haiwan dapat bercakap sesama sendiri dengan jaringan cerita yang sangat menarik. (A. Khalafullah, 2002, ; 208).

## ii. Makhluk Halus

Malaikat, jin dan iblis merupakan makhluk halus yang tidak dapat dilihat oleh mata kasar. Dalam al-Qur'an, makhluk-makhluk halus ini diberikan watak yang tertentu untuk menjalin sesebuah jalan cerita yang ideal dan benar. Malaikat umpamanya, merupakan makhluk Allah yang diciptakan daripada cahaya "al-Nur". Para Malaikat sering disebut dalam al-Qur'an sebagai makhluk yang menjelma menjadi manusia biasa sama ada untuk menyampaikan wahyu ataupun sebaliknya. Antara malaikat yang sering disebut dalam al-Qur'an ialah malaikat Jibril, memandangkan tugas utamanya adalah menyampaikan wahyu Allah kepada para nabi dan rasul.

Ada di kalangan malaikat yang diutuskan Allah ke bumi dengan menjelma sebagai manusia sebagaimana yang dimuatkan dalam kisah Nabi Lu:t a.s. Dalam kisah Nabi Lu:t a.s. sekumpulan malaikat menjelma menjadi manusia untuk menguji kaum Nabi Lu:t a.s. (terutamanya lelaki) yang menyukai sesama lelaki, iaitu dengan membuat hubungan sejenis atau yang lebih dikenali sebagai *homoseksual*. Perbuatan di kalangan kaum lelaki yang menyukai sesama kaum sejenis merupakan suatu kemungkaran atau *al-Fa:hisyat الفاحشة* sebagaimana firman Allah:

أَتَأْتُونَ الْفَاحِشَةَ مَا سَبَقُكُمْ بِهَا مِنْ أَحَدٍ مِّنَ الْعَالَمِينَ

Maksudnya: "Patutkah kamu melakukan perbuatan yang keji, yang tidak pernah dilakukan oleh seorang pun dari penduduk alam ini sebelum kamu !". (Surah al-A'raf, ayat 80).

Kisah kedatangan utusan Allah ini dipaparkan melalui firman Allah:

وَلَمَّا جَاءَتْ رُسُلُنَا لُوطًا سِرَّعَ بِهِمْ وَضَاقَ بِهِمْ ذَرْعًا وَقَالَ هَذَا يَوْمٌ  
عَصِيبَتٌ ﴿٧٧﴾ وَجَاءَهُ قَوْمٌ وَبِئْرٌ عُونٌ إِلَيْهِ وَمِنْ قَبْلٍ كَانُوا يَعْمَلُونَ  
السَّيِّئَاتِ قَالَ يَقُولُ أَهُؤُلَاءِ بَنَاتِي هُنَّ أَطْهَرُ لَكُمْ فَأَتَقْوِيُّ اللَّهُ وَلَا تُخْزُونِ  
فِي ضَيْفِي هُنَّ أَلَيْسَ مِنْكُمْ رَجُلٌ رَشِيدٌ ﴿٧٨﴾

Maksudnya: “Dan tatkala datang utusan-utusan Kami kepada Nabi Lut, dia merasa dukacita dengan kedatangan mereka, dan tidak terdaya olehnya untuk menghalang kaumnya daripada mengganggu utusan tersebut, sambil berkata; ini adalah hari yang amat mencemaskan bagiku. Dan kaumnya datang meluru kepadanya (dengan tujuan hendak mengganggu tetamu-tetamunya) sedangkan mereka sebelum itu sudah biasa melakukan kejahanan yang terkutuk. Nabi Lut berkata; wahai kaumku! Ini anak-anak perempuanku, mereka lebih suci bagi kamu (maka berkahwinlah dengan mereka) Oleh itu, takutkanlah kamu akan Allah, dan jangan kamu memberi malu kepadaku terhadap tetamu-tetamuku. Tidakkah ada di kalangan kamu seorang lelaki yang bijak lagi berakal (yang dapat memberi nasihat?). (Surah Hu:d, ayat 77 – 78)

Utusan-utusan Allah tersebut lantas memberitahu Nabi Lu:t a.s.bahawa mereka sebenar adalah malaikat yang ditugaskan oleh Allah untuk membinasakan negeri tempat kediaman Nabi Lu:t a.s. dan kaumnya. Mereka meminta supaya Nabi Lu:t a.s. segera meninggalkan tempat tinggalnya (Bandar Sadum, sebelah timur Palestin) pada waktu tengah malam bersama keluarganya melainkan isterinya yang menyebelahi kaumnya. Setelah tiba saat yang dijanjikan, Allah menjadikan negeri kaum Lu:t, tersebut tunggang terbalik, iaitu dengan diterbalikkan negeri dan ditimbuskan segala yang ada di permukaannya. Ini dinyatakan oleh Allah menerusi firmannya:

فَلَمَّا جَاءَ أَمْرُنَا جَعَلْنَا عَلَيْهَا سَافِلَهَا وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهَا حِجَارَةً مِنْ سِجِيلٍ

٨٢ مَنْضُودٍ

Maksudnya: “*Maka tatakala datang perintah Kami, Kami jadikan negeri kaum Lut itu tunggang terbalik (tertimbus segala apa yang ada di permukaannya) dan Kami menghujaninya dengan batu-batu dari tanah yang dibakar yang menimpa bertalu-talu.*” (Surah Hu:d, ayat 82).

Inilah balasan yang sewajarnya bagi manusia yang melanggar batasan fitrah atau sunnah Allah. Balasan yang ditimpakan ke atas mereka itu setimpal dengan perbuatan keji yang mereka lakukan. (‘Abd. Al-Hami:d Mahmu:d Tahma:z, 1992; 86).

Menurut sejarah, bekas dan kesan negeri kaum Lu:t a.s. yang dibinasakan oleh Allah itu masih ada hingga ke hari ini menjadi sebuah lautan di Palestin yang terkenal dengan nama Laut Mati.

Di samping watak para malaikat, wacana cerita dalam al-Qur'an juga mengenengahkan watak jin dan iblis. Watak jin ditonjolkan dalam kisah Nabi Sulaiman a.s., di mana Allah menundukkan sekelian jin di bawah takluknya. Dalam kisah tersebut nama jin ‘Ifri:t disebut sebagai wira di kalangan jin kerana kehandalan dan kepintaran mereka.

Manakala watak iblis ditonjolkan dalam kisah Nabi Adam a.s. dan kisah-kisah yang lain, terutama yang melibatkan permusuhan dengan manusia. Iblis digambarkan sebagai makhluk yang diciptakan daripada api yang enggan untuk bersujud kepada Nabi Adam a.s. dengan alasan bahawa dia diciptakan daripada api dan Adam pula diciptakan daripada tanah. Menurut logiknya, api lebih kuat sifatnya daripada tanah.

### iii. Watak-watak lelaki

Watak manusia lelaki banyak dipaparkan dalam wacana cerita al-Qur'an. Watak-watak tersebut meliputi para rasul dan nabi seperti Nabi Adam a.s. , Nabi Nu:h a.s., Nabi

Ibrahim a.s. , Nabi Musa a.s., Nabi Isa a.s., Nabi Ismail a.s., Nabi Ishaq a.s., Nabi Ya'qu:b a.s., Nabi Yu:suf a.s. dan lain-lain. Di samping itu, terdapat juga watak-watak manusia biasa yang terdiri daripada para raja dan menteri seperti raja Fir'aun, Ha:ma:n, A:zar, Luqma:n, Azi:z, putera-putera Nu:h dan saudara-saudara Yusuf. (A. Kalafullah, 2002: 213).

#### iv. Watak-watak Wanita

Antara watak wanita yang terdapat dalam wacana cerita al-Qur'an ialah seperti Hawa:' , Maryam, isteri Fir'aun (A:siah), isteri Aziz (Zulaikha), dua puteri Nabi Syu'ib, isteri-isteri Nabi Ibrahim (Hajar dan Sarah) isteri Nabi Lu:t, ratu Balqis dan lain-lain lagi. Walaupun di antara watak-watak wanita ini tidak dinyatakan nama mereka secara jelas dalam al-Qur'an, namun nama-nama mereka dijelaskan oleh Rasulullah dalam hadith-hadith baginda.

#### **4.1.2. Dialog-dialog Wacana Cerita Dalam al-Qur'an**

Dialog-dialog dalam wacana cerita al-Qur'an dipaparkan dalam bentuk yang paling indah lagi menarik. Ada di antara dialog ini diselangselikan dengan pernyataan daripada Allah yang berbentuk suruhan dan larangan dan sebagainya. Dialog-dialog yang digunakan di dalam al-Qur'an biasanya tidak dicantumkan dalam setiap kisah. Ia diselangselikan dengan bentuk dan gaya bahasa yang berlainan seperti penggunaan gaya bahasa khabariyy dan insha:'iyy. Untuk menceritakan sesuatu kisah, al-Qur'an lebih menjuruskan kepada unsur dialog kritis di mana unsur ini dijadikan tempat untuk

melakarkan kisah tokoh-tokoh ceritanya dengan memindahkan dari satu adegan kepada satu adegan yang berikutnya dengan rapi dan berkesan.

Namun begitu terdapat juga unsur-unsur lain yang dilakarkan oleh al-Qur'an menerusi dialog ceritanya supaya dapat didoninasi ruangan kisah yang dipaparkan. Ini dapat dilihat dalam kisah Nabi Yusuf a.s dalam surah Yusuf, kisah Nabi Musa dalam surah Ta:ha dan beberapa kisah lain.( A. Khalafullah, 2002,237).

Al-Qur'an juga mendeskripsikan unsur-unsur dialog dengan menggunakan metode pengisahan, atau dengan kata lain, al-Qur'an menceritakan berbagai tokoh-tokoh

kisahnya dengan menggunakan kata pendahuluan seperti “**قَالُوا**” (Ia berkata)

(Mereka berkata) “**قُلْنَا**” (Kami berkata) dan “**قَالَ نُوْحٌ**” (Nuh berkata) dan sebagainya.

Metode sebegini menunjukkan bahawa dialog yang digunakan tidak hanya berlaku dengan dua arah sahaja, malah kadang-kadang berlaku dari berbagai arah. Contoh dua arah adalah seperti dialog antara Iblis dengan Adam, Nabi Ibrahim dengan bapanya dan Nabi Musa dengan Fir'aun.

Sebagai kesimpulannya, dapat diperhatikan bahawa gaya bahasa dialog sastera kisah-kisah al-Qur'an tidak jauh bezanya dengan gaya bahasa al-Qur'an secara keseluruhannya. Di bawah dirumuskan beberapa kriteria khusus gaya bahasa al-Qur'an tersebut:

**Pertama.** Gaya bahasa al-Qur'an sangat sesuai dengan tema dan situasi pada waktu ayat-ayat tentang kisah tersebut diwahyukan. Ini bererti, gaya bahasa sastera yang digunakan dalam al-Qur'an dengan pelbagai bentuk penerapannya.

**Kedua.** Kisah-kisah dari al-Qur'an pada awal turunnya selalunya menggunakan kalimat-kalimat yang pendek lagi bersajak. Sehingga bila diperhatikan, perpindahan dari satu babak ke babak yang berikutnya atau dari satu peristiwa ke peristiwa selanjutnya yang diceritakan dalam satu kisah sangat cepat dan dinamis.

**Ketiga.** Dalam kisah-kisah mengenai kepercayaan atau yang diarahkan untuk menerangkan akidah keagamaan baru dan merobohkan doktrin dan kepercayaan syirik, dapat dilihat al-Qur'an menggunakan kritikan dengan menggunakan gaya bahasa yang kemas lagi berkesan. Kritikan tersebut adakalanya pedas dan menusuk kalbu. Ini dapat dilihat dalam kisah Nabi Ibrahim ketika hendak merobohkan berhala yang dijadikan sembahana kaumnya. Ini diceritakan dalam surah Maryam dan al-Syu'ara':

## 4.2. Cerita dan Kisah Para Nabi dan Rasul

Para nabi dan rasul adalah utusan Allah yang diutuskan kepada umat manusia semenjak daripada Nabi Adam hingga ke Nabi Muhammad (s.a.w). Mereka diutuskan untuk memimpin manusia ke jalan yang benar. Memang menjadi sunnah Allah, manusia memerlukan kepada bimbingan para Nabi dan Rasul untuk mengenal Allah dan beriman kepadanya. Terdapat 6 surah dalam al-Qur'an yang dinamakan dengan nama para Nabi, iaitu Yu:nus (a.s.), Hu:d (a.s.), Yu:suf (a.s.), Ibra:hi:m (a.s.), Muhammad

(s.a.w) dan Nu:h (a.s). , disamping satu surah yang dinamakan *al-Anbiya'* (Nabi-nabi). Walaupun tidak ke semua nama nabi tidak dijadikan nama surah, tetapi nama-nama mereka disebutkan dalam kisah-kisah Nabi yang lain

Kisah mereka dipaparkan dalam bentuk peristiwa sejarah yang telah berlalu. Melalui kisah-kisah ini, banyak pengajaran boleh diambil. Kebanyakan para nabi dan rasul melalui kehidupan berdakwah yang penuh ranjau dan duri berbisa. Mereka diamanahkan oleh Allah untuk menyampaikan risalah Islam kepada sesuatu kaum, kecuali Nabi Muhammad (s.a.w) yang diutuskan untuk manusia sejagat, bahkan sebagai pembawa berita baik dan pemberi amaran kepada manusia sebagaimana firman Allah;

وَمَا أَرْسَلْنَا إِلَّا كَافَةً لِلنَّاسِ بُشِّيرًا وَنَذِيرًا وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا



Maksudnya: “*Dan tidak Kami utuskan kamu wahai Muhammad (s.a.w), melainkan untuk umat manusia seluruhnya sebagai pembawa berita gembira dan pemberi amaran kepada sekalian manusia.*” (Surah Saba:’, ayat 28 ).

Kajian ini, tidak dikhususkan untuk menerangkan kisah kehidupan para nabi dan rasul secara menyeluruh, memandangkan kisah mereka merupakan suatu kisah perjalanan hidup yang panjang, penuh dengan ujian dan rintangan. (A. Khalafullah 2002: 99) dalam karyanya berjudul *al-Fan al-Qasasiy fi: al-Qur'a:n al-Kar:im* membicarakan persoalan seni, sastera dan moral menurut kisah-kisah yang dimuatkan dalam al-Qur'an, di mana beliau membuat satu kajian yang berhubung kait dengan kisah para nabi dan umat-umat yang terdahulu. Begitu juga dengan H. Salim Bahreisy (1980: 1-514) dalam karyanya

yang berjudul *Sejarah Hidup Nabi-nabi*, menjelaskan secara lanjut mengenai kisah para nabi yang wajib beriman dengan mereka, iaitu sebanyak 25 orang rasul.

Hampir keseluruhan para nabi dan rasul diutuskan kepada Bani Isra'il, di samping beberapa kaum yang terkenal dengan keingkaran mereka seperti kaum Nu:h kaum 'A:d, Thamu:d dan kaum Lu:t. Setiap rasul sebelum Nabi Muhammad (s.a.w) mempunyai kaumnya masing-masing. Di antara para nabi, ada yang diamanahkan untuk menyebarkan dakwah kepada raja dan pembesar negeri yang zalim dan takbur seperti kisah Nabi Musa (a.s) yang berhadapan dengan kezaliman Firaun dan Nabi Ibrahim a.s yang menerima tamparan hebat daripada raja Namrud. Ada di antara mereka yang diberikan kekuasaan dan pemerintahan yang luas seperti Nabi Sulaiman (a.s) dan Nabi Yusuf (a.s).

Sebelum penulis membuat sorotan ringkas mengenai kisah-kisah yang terdapat dalam surah al-Kahf, ada baiknya penulis memaparkan beberapa kisah para nabi yang diceritakan sejarah hidup mereka dalam al-Qur'an seperti Nabi Nu:h (a.s), Nabi Hu:d (a.s) Nabi Sa:leh (a.s), Nabi Sulaima:n (a.s), Nabi Yu:suf (a.s), dan Nabi Ibra:hi:m (a.s.) dan lain-lain . Kisah Nabi Nu:h (a.s.) umpamanya, di ungkapkan dalam satu surah yang dikhususkan kepada Nabi Nu:h (a.s) yang mempunyai 28 ayat. Walaupun kisah yang dipaparkan ringkas tetapi ianya padat dengan segala pengajaran yang berguna. Kisah Nabi Nuh (a.s) juga dipaparkan dalam beberapa surah yang lain sebagai kesinambungan dan penjelasan yang lebih lanjut.

#### **4.2.1 Cerita Nabi Nu:h (a.s.)**

Cerita dan kisah Nabi Nu:h (a.s) , bermula dengan wahyu yang disampaikan oleh Allah kepadanya dalam masa *fatrat* (tempuh) kekosongan di antara dua orang rasul, iaitu

setelah diutuskan Nabi syi:th (a.s) dan Nabi Idri:s (a.s). Ini menunjukkan bahawa Nabi Nu:h (a.s) adalah nabi yang keempat sesudah Nabi Adam (a.s), Syith (a.s) dan Idris (a.s). Sesetengah ulamak berpendapat Nabi Nu:h (a.s) merupakan seorang rasul yang pertama sekali diutuskan kepada manusia di muka bumi. Ini berdasarkan satu hadith Nabi Muhammad (s.a.w) yang berbunyi:

{فَإِنَّهُ أَوَّلُ رَسُولٍ بَعْثَةً اللَّهُ إِلَى أَهْلِ الْأَرْضِ.....}

Maksudnya; “Sesungguhnya dia (Nabi Nu:h) merupakan rasul yang pertama sekali diutuskan Allah kepada penduduk bumi.” (Fath al-Ba:riy 11/434).

Hadith ini bertepatan dengan susunan ayat-ayat penceritaan yang terkandung dalam surah al-A’ra:f yang mendahuluikan kisah umat Nabi Nu:h (a.s.) daripada kisah umat-umat yang lain, sebagimana firman Allah;

لَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَى قَوْمِهِ فَقَالَ يَقُولُونَ أَعْبُدُ دُوًا لَّهُ مَا لَكُمْ مِّنْ إِلَهٍ  
غَيْرِهِ وَإِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ



Maksudnya: “Sesungguhnya kami mengutuskan Nabi Nu:h kepada kaumnya, lalu berkatalah dia; Wahai kaumku, sembahlah Allah, dan tidak ada Tuhan yang layak disembah selain dariNya, Sesungguhnya aku bimbang (khuatir) kamu akan ditimpa azab di hari yang besar (kiamat).” (Surah al-A’ra:f, ayat 59).

Memang menjadi *sunnatullah*, manusia yang telah menerima ajaran rasul, secara beransur-ansur telah melupakan dan tidak lagi menghiraukan ajaran-ajaran yang disampaikan kepada mereka. Mereka kembali melakukan syirik, meninggalkan amal kebajikan, lantas mereka melakukan kemungkaran demi kemungkaran.

Menurut Ibn ‘Abbas, semenjak zuriat manusia mula bercambah daripada keturunan Adam, manusia sentiasa menyembah Allah sehinggalah lama kelamaan, unsur penyembahan berhala mula menular dalam kehidupan mereka. Asal-usul berhala-berhala yang disembah oleh kaum Nabi Nu:h adalah daripada nama empat orang lelaki yang soleh di kalangan mereka iaitu, *Wadd*, *Suwa:*’, *Ya‘:uq* dan *Nasr*. Setelah lelaki-lelaki soleh tersebut meninggal dunia, mereka mula membina patung-patung yang menyerupai lelaki-lelaki tersebut. Pada tanggapan mereka, berhala-berhala tersebut dipercayai sebagai pembawa kebaikan dan manfaat. (‘Abd al-Hamid Mahmud Tahma:z, 1992; 73 – 75)

Nabi Nu:h (a.s) yang diutuskan kepada mereka seraya berkata sebagaimana firman Allah:

قالَ يَقُولُ إِنِّي لَكُمْ نَذِيرٌ مُّبِينٌ  
﴿٢﴾

Maksudnya: “*Berkatalah Nabi Nu:h kepada kaumnya: ‘ Wahai kaumku, sesungguhnya aku diutuskan kepada kamu untuk memberi peringatan yang nyata.’*” (Surah Nu:h, ayat 2).

Nabi Nu:h (a.s) berdakwah dengan memberi beberapa pengajaran seperti menarik perhatian kaumnya supaya melihat bagaimana Allah mencipta langit, matahari, bulan, bintang, cakrawala, binatang-binatang, bumi yang makmur dengan segala macam kekayaan sumber rezekinya, pertukaran malam dan siang yang silih berganti, di mana semua itu membuktikan keesaan Allah dan hanya Allah yang patut disembah. (Ahmad dll, 1979: 15 – 16).

Ini dinyatakan oleh Allah menerusi firmannya:

الَّمْ تَرَوْ أَكِيفَ خَلَقَ اللَّهُ سَبْعَ سَمَاوَاتٍ طِبَاقًا ﴿١٥﴾ وَجَعَلَ الْقَمَرَ فِيهِنَّ نُورًا وَجَعَلَ الشَّمْسَ سِرَاجًا ﴿١٦﴾ وَاللَّهُ أَنْبَتَكُم مِّنَ الْأَرْضِ نَبَاتًا

Maksudnya: “Tidakkah kamu mengetahui dan memikirkan bagaimana Allah telah menciptakan tujuh petala langit yang bertingkat-tingkat. Dan Dia menjadikan padanya bulan sebagai cahaya serta menjadikan matahari sebagai lampu (terang benderang). Dan Allah juga telah menumbuhkan (mencambahkan zuriat kamu) daripada bumi dengan pertumbuhan yang sungguh sempurna. (Surah Nu:h, ayat 15 – 17)

Namun, semua dakwah dan ajaran yang disampaikan tidak dihiraukan oleh kaumnya. Sebagai salah seorang nabi yang termasuk di kalangan *Ulu al-'Azmi* (Nabi-nabi yang mempunyai banyak kesabarannya), Nabi Nu:h (a.s) tetap tidak berputus asa, dan baginda terus menjalankan usaha dakwahnya siang dan malam. (Ahmad Ja:d al-Mauwla dll, 1979: 15) Ini dinyatakan melalui firman Allah Ta’la :

قَالَ رَبِّ إِنِّي دَعَوْتُ قَوْمِي لَيَلَّا وَنَهَارًا ﴿٥﴾ فَلَمْ يَزِدْهُمْ دُعَاءِنِي إِلَّا فِرَارًا ﴿٦﴾ وَإِنِّي كُلَّمَا دَعَوْتُهُمْ لِتَغْفِرَ لَهُمْ جَعَلُوا أَصْبِعَهُمْ فِي ظَاهِرِهِمْ وَأَسْتَغْشَوْا شَيَابِهِمْ وَأَصْرُوا وَأَسْتَكْبَرُوا وَأَسْتِكْبَارًا

(v)

Maksudnya : “Berkatalah Nuh: ‘Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku telah menyeru kaumku malam dan siang. Namun mereka tidak menerima seruanku, melainkan lari dari seruan. Dan sesungguhnya aku setiap kali daku menyeru mereka supaya Kamu ampunkan (dosa-dosa) mereka, mereka menyumbat jari-jari mereka ke dalam telinga mereka dan menyelimuti tubuh mereka dengan pakaian, mereka tetap tidak berganjak dan terus berbesar diri (takabbur).” (Surah Nu:h, ayat 5 – 7).

Nabi Nu:h (a.s). terus menyampaikan ajaran kepada mereka dengan pelbagai cara sama ada menggunakan hujah *naqli* (na:s) mahupun ‘*aqliy* (akal). Setelah berlalu sembilan ratus lima puluh tahun (sembilan kurun setengah) Nabi Nuh (a.s) terus berdakwah dalam menyampaikan risalah Allah, tetapi hanya sebilangan kecil yang tidak sampai seratus orang. Ada di kalangan ulamak berpendapat, hanya sebanyak 40 orang yang beriman dan menyahut seruan Nabi Nu:h (a.s). Akhirnya kesabaran Nabi Nu:h (a.s) berakhir dengan firman Allah;

وَأَوْحَىٰ إِلَيْنَا نُوحٌ أَنَّهُ لَنْ يُؤْمِنَ مِنْ قَوْمِكَ إِلَّا مَنْ  
قَدْ عَامَنَ فَلَا تَبْتَسِّسْ بِمَا كَانُوا يَفْعَلُونَ (٣٧)

Maksudnya: “ *Dan diwahyukan kepada Nuh, bahawasanya tidak sekali-kali kaummu beriman denganmu, kecuali mereka yang telah beriman, Oleh kerana itu janganlah kamu bersedih hati tentang apa yang mereka kerjakan.* ” (Surah Hu:d , ayat 37).

Dengan penegasan daripada Allah, hancurlah harapan Nabi Nu:h (a.s) untuk mengajak kaumnya beriman dengan Allah. Sebagai kesudahannya, Allah memerintah Nabi Nu:h (a.s) membina sebuah bahtera dan mengumpulkan para pengikutnya untuk menyiapkan bahtera tersebut walaupun baginda menerima ejekan yang berterusan daripada kaumnya yang masih kufur.(Ahmad al-Ja:d al-Mauwla: 1979).

Setelah bahtera siap dibina, Allah mmerintahkannya supaya di kumpulkan segala jenis binatang dengan pasangannya untuk dimuatkan di dalam bahtera. (H.Salim Bahreisy, 1980; 29). (Ahmad Ja:d Al-Mauwla: ,1979: 20). Ini dinyatakan dalam firman Allah:

حَتَّىٰ إِذَا جَاءَ أَمْرُنَا وَفَارَ الْتَّثْوِرُ قُلْنَا أَحْمَلْ فِيهَا مِنْ كُلِّ زَوْجَيْنِ أَشْنَيْنِ  
وَأَهْلَكَ إِلَّا مَنْ سَبَقَ عَلَيْهِ الْقَوْلُ وَمَنْ عَامَنَ وَمَا عَامَنَ مَعْهُ تَوْإِلْ قَلِيلٌ

44

Maksudnya: “Hingga apabila perintah Kami telah datang, dan dapur telah mendidihkan air, Kami berfirman: Muatkanlah ke dalam bahtera itu segala jenis binatang yang berpasangan dan keluargamu kecuali anaknya yang ditentukan ketetapannya dan muatkan juga orang-orang yang beriman, dan di kalangan mereka yang beriman hanyalah sedikit jumlahnya.” (Surah Hu:d ayat, 40).

Setelah itu, barulah datang ketetapan Allah dengan diturunkan hujan yang sangat lebat, dan memancut air yang ada di muka bumi. Dalam sekelip mata, banjir besar melanda seluruh kota dan desa membanjiri dataran yang rendah mahupun tinggi hingga sampai ke puncak bukit, dan tiada sesiapa pun yang terlepas dari banjir tersebut kecuali mereka yang bersama dengan Nabi Nu:h.(Ahmad Ja:d Al-Mauwla:, 1979: 20). Mereka menaiki bahtera tersebut dengan irungan doa seperti berikut:

بِسْمِ اللَّهِ مَجْرِهَا وَمُرْسَنَهَا إِنَّ رَبِّي لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ

Maksudnya: “Dengan nama Allah berlayarlah (bergeraklah bahtera) dengan lajunya dan berhentinya (berlabuhnya), Sesungguhnya Tuhanmu amat Pengampun lagi amat Mengasihani.” (Surah Hu:d; 41).

Berlayarlah bahtera Nabi Nuh (a.s) dengan lajunya menyusuri lautan air yang besar dan melawan arus ombak dan badai serta angin ribut. (Ahmad Ja:d al-Mauwla,1979: 20) Dari kiri dan kanan kapal terlihatlah orang-orang kafir yang bergelut dengan gelombang dan ombak yang besar kerana berusaha menyelamatkan diri mereka dari cengkaman maut, di antara mereka termasuklah anak Nabi Nu:h (a.s) sendiri yang

ingkar dengan ajarannya, iaitu anak sulungnya yang bernama *Kan'a:n* yang timbul tenggelam di bawa arus. Nabi Nu:h (a.s) secara spontan berteriak memanggil anaknya untuk menaiki bahtera sebagaimana disebutkan melalui firman Allah;

وَهِيَ تَجْرِي بِهِمْ فِي مَوْجٍ كَالْجِبَالِ وَنَادَى نُوحُ أَبْنَهُ وَكَانَ  
فِي مَعْزِلٍ يَدْبُنَى أَرْكَبَ مَعْنَا وَلَا تَكُنْ مَعَ الْكَافِرِينَ ﴿٤٢﴾ قَالَ  
سَئَاوَى إِلَى جَبَلٍ يَعْصِمُنِي مِنَ الْمَاءِ قَالَ لَا عَاصِمٌ الْيَوْمَ مِنْ أَمْرِ اللَّهِ  
إِلَّا مَنْ رَحِمَ وَحَالَ بَيْنَهُمَا الْمَوْجُ فَكَانَ مِنَ الْمُغْرَقِينَ

﴿٤٣﴾

Maksudnya: “*Dan bahtera itu belayar membawa mereka melawan arus gelombang yang besar laksana gunung. Dan Nu:h berkata kepada anaknya, sedangkan anaknya itu berada di tempat yang jauh lagi terpencil: ‘Wahai anakku , naiklah bersama kami dan janganlah kamu berada bersama-sama dengan orang-orang yang kafir!’ Anaknya menjawab: ‘Aku akan mencari tempat perlindungan ke gunung yang dapat menyelamatkan aku dari banjir ini .Nabi Nu:h berkata: ‘ Tidak ada apa yang dapat melindungi dan terselamat dari azab Allah pada hari ini selain Allah sahaja yang Maha Penyayang’ Dan gelombang banjir menjadi penghalang antara keduanya, maka anaknya termasuk dalam golongan orang-orang yang ditenggelamkan.*” (Surah Hu:d , ayat 42 – 43)

Dalam kekalutan kaum Nabi Nu:h (a.s) berenang untuk menyelamatkan diri daripada banjir besar yang melanda, baginda melihat anaknya Kan'a:n sedang melawan dengan arus ombak yang besar, lalu baginda memanggil anaknya dengan katanya: (firman Allah):

وَهِيَ تَجْرِي بِهِمْ فِي مَوْجٍ كَالْجِبَالِ وَنَادَى نُوحٌ أَبْنَهُ وَكَانَ  
فِي مَعْزِلٍ يَدْبَّتْ أَرْكَبَ مَعْنَا وَلَا تَكُونَ مَعَ الْكَافِرِينَ

﴿٤٢﴾

Maksudnya: “Dan bahtera itu belayar membawa mereka melawan arus bagaikan bukit, lalu Dia (Nabi Nu:h) menyeru (memanggil) anaknya (Kan'a:n) yang tercicir (terpencil): Wahai anakku marilah naik ke bahtera bersama kami, dan jangan engkau termasuk dalam kalangan orang-orang kafir”. (Surah Hu:d, ayat 42).

Anaknya Kan'a:n lantas menjawab, seperti firman Allah:

قَالَ سَعَوِي إِلَى جَبَلٍ يَعْصِمُنِي مِنَ الْمَاءِ قَالَ لَا عَاصِمٌ الْيَوْمَ مِنْ أَمْرِ اللَّهِ إِلَّا  
مَنْ رَحِمَ وَحَالَ بَيْنَهُمَا الْمَوْجُ فَكَانَ مِنَ الْمُغْرَقِينَ

﴿٤٣﴾

Maksudnya: “Dia menjawab: Saya akan pergi (berenang) ke puncak gunung yang akan melindungi kami dari banjir besar ini. Sahut Nabi Nu:h: Tiada seorang pun yang dapat terlepas sekarang ini daripada seksaan Allah, kecuali orang yang dikasihiNya. Lalu gelombang banjir itu memisahkan antara keduanya, sehingga dia termasuk dalam golongan orang-orang yang tenggelam”. (Surah Hu:d , ayat 43)

Begitulah berakhirnya kisah mereka yang ingkar dengan suruhan dan ajaran Nabi Nu:h (a.s), termasuklah anaknya sendiri, di mana mereka semua tenggelam di bawah arus banjir yang amat dahsyat.

Daripada kisah ini, dapat diambil pengajaran bahawa hubungan dan ikatan antara manusia yang terjalin dengan akidah keimanan adalah lebih erat daripada hubungan darah dan keturunan. *Kan'an*, walaupun ianya salah seorang anak Nabi Nu:h (a.s), tetapi

oleh kerana dia tidak menerima ajaran ayahnya, maka ia turut dibinasakan oleh Allah dalam banjir yang besar. Dalam pengertian ini dapat difahami bahawa orang-orang mukmin adalah bersaudara, sebagaimana firman Allah;

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْرَوٌ فَاصْلِحُوهُ أَبْيَنْ أَخْوَيْكُمْ

Maksudnya: “Adapun sesungguhnya orang-orang mukmin adalah bersaudara. Oleh itu, perbaiklah persaudaraan di antara saudara-saudara kamu” (Surah al-Hujura:t ; ayat 10).

Antara pengajaran yang dapat dipetik daripada kisah Nabi Nu:h (a.s) adalah persaudaraan yang dibina di atas keimanan dan ketakwaan kepada Allah lebih kukuh daripada persaudaraan melalui ikatan darah dan keturunan. Kan’:an, walaupun merupakan anak kandung Nabi Nuh (a.s), ia dipisahkan oleh Allah daripada kalangan keluarga bapanya disebabkan oleh kekufuran dan penentangannya terhadap dakwah yang disampaikan oleh bapanya Nabi Nu:h (a.s).

#### **4.2.2 Kisah Nabi Hu:d Dengan Kaum ‘A:d**

Cerita kaum ‘:Ad dipaparkan dalam al-Qur’ān melalui sepuluh buah surah dan menerusi 68 ayat. Sudah menjadi sunnatullah, sejak diturunkan nabi Adam (a.s) ke dunia, manusia akan diberi pertunjuk melalui utusan para nabi dan rasul. Tujuannya adalah untuk mengembalikan manusia yang tersesat jalan ke arah cahaya hidayah. Begitulah halnya dengan kaum atau suku ‘:Ad yang tersesat jalan kerana terpengaruh dengan kehidupan dunia hingga melupakan pencipta yang menjadikan mereka. (H. Salim Bahreisy, 1980: 46).

Kaum ‘A:d telah dikurniakan Allah kemewahan hidup yang melimpah ruah. Kemewahan yang dimiliki berupa tanah-tanah pertanian yang subur dengan kebun-kebun buah-buahan, sungai-sungai yang mengalir, serta binatang ternakan yang banyak. Mereka juga terkenal dengan bangsa yang dikurniakan Allah tubuh badan yang tegap dan kuat. (Ahmad Ja:d al-Maula:, 1979:23). Oleh kerana kebahagiaan hidup yang melimpah ruah, mereka tidak tahu dari mana asalnya segala nikmat dan rahmat yang diberikan Allah. Sebaliknya mereka menyembah berhala sehingga mempercayai berhala-berhala yang diperbuat daripada batu itu dapat memberikan segala kemewahan yang mereka kecapi. (Abdul Wahab, 2004:32).

Perkataan “‘:Ad” (عَادٌ) adalah di ambil daripada bapa satu suku (kaum) yang hidup di Semenanjung Arab di suatu kawasan yang dikenali “al-Ahqa:f” yang terletak di utara Hadramaut antara Yaman dan ‘Amman. Kaum ini berasal dari kaum Nabi Nu:h (a.s) yang terkenal dengan kekuatan tubuh badan. (Ahmad ja:d al-Mauwla, 1979: 23) dan (H. Salim Bahreisy; 1980 44 – 46).

Mereka dikurniakan oleh Allah tanah yang subur dengan sumber-sumber air yang mengalir dari segenap penjuru. Ini memudahkan mereka bercucuk tanam dengan pelbagai tumbuhan yang menghasilkan pendapatan yang lumayan. Mereka dapat membina rumah-rumah yang cantik serta dihiasi dengan kebun bunga yang indah. (‘Abd.al-Hamid Mahmud Tahmaz, 1992; 76 – 77). Dalam al-Quaran Allah berfirman;

وَأَنْقُوا أَلَّذِي أَمَدَّكُمْ بِمَا تَعْلَمُونَ ۝ ۱۳۲ ۝ أَمَدَّكُمْ بِأَنْعَمِ وَبَنِينَ  
وَجَنَّتِ وَعُيُونٍ ۝ ۱۳۴

Maksudnya: “*Dan bertaqwalah kamu kepada Allah yang telah menganugerahkan kamu dengan nikmat yang kamu sedia mengetahuinya. Dia memberikan kamu binatang-binatang ternakan yang membiak serta anak pinak yang ramai. Dan taman-taman serta mata air yang mengalir.*” (Surah al-Syua’ra:’; ayat 132 – 134).

Daripada ayat-ayat di atas, jelas membuktikan bahawa nikmat yang dianugerahkan Allah kepada kaum ‘:Ad melimpah ruah. Mereka dianugerahkan tanah-tanah yang subur menghijau dengan segala macam jenis tumbuhan dan dialirkan dengan anak-anak sungai dari segenap penjuru. Dengan hasil bumi yang kaya ini, mereka dapat membina tamadun yang belum pernah dibina sebelumnya pada masa itu. (‘Abd.al-Hami:d Mahmu:d Tahma:z, 1992; 77).

Sebagaimana dengan kaum Nabi Nu:h (a.s), kaum Nabi Hu:d (a.s) iaitu suku ‘:Ad ini sudah melupai Allah, iaitu pencipta sebenar alam ini yang wajib dipercayai. Mereka mula membuat patung-patung berhala dengan tangan mereka sendiri yang diberi nama *Syamu:d* dan *Alhatt:ar* yang dijadikan tuhan untuk disembah. Ajaran dan agama yang dibawa oleh Nabi Nu:h (a.s) dan Nabi Idri:s (a.s) sudah tidak dihiraukan lagi. Menurut kepercayaan mereka, kemakmuran dan kemewahan hidup yang mereka perolehi adalah kurniaan kedua-dua berhala yang mereka sembah. (H. Salim Bahreisy, 1980: 45)

Allah berfirman :

فَامْا عَادٌ فَاسْتَكْبِرُوا فِي الْأَرْضِ بِغَيْرِ الْحَقِّ وَقَالُوا مَنْ أَشَدُ مِنَّا قُوَّةً  
أَوْلَمْ يَرَوْا أَنَّ اللَّهَ الَّذِي خَلَقَهُمْ هُوَ أَشَدُ مِنْهُمْ قُوَّةً وَكَانُوا بِعَيْنِتِنَا

يَجْحَدُونَ

Maksudnya: “Manakala kaum ‘A:d, banyak menyombongkan diri di bumi dengan tidak menurut jalan kebenaran, dan mereka berkata: “Siapakah yang lebih besar kekuatannya dari kami?. Tidakkah mereka memerhatikan, bahawa Allah yang menciptakan mereka lebih besar kekuatanNya dari mereka?. Dan mereka menyangkal ayat-ayat ( keterangan-keterangan) Kami.

Nabi Hu:d (a.s) yang diutuskan kepada mereka terus menyeru mereka supaya kembali ke jalan yang benar dengan menggunakan gaya dan nada seruan (ajaran) yang pernah diungkapkan oleh Nabi Nuh a.s. ,iaitu seperti firman Allah;

قَالَ يَقُولُمْ أَعْبُدُو أَللّٰهَ مَا لَكُمْ مِنْ إِلٰهٍ غَيْرِهِ

Maksudnya; “Berkatalah (Hud) Wahai kaumku ! sembahlah Allah, tidak ada Tuhan bagi kamu selain daripadanya.” (Surah al-A’ra:f, ayat 65).

Seruan demi seruan diusahakan oleh Nabi Hu:d (a.s) untuk memujuk kaumnya supaya beriman kepada Allah, namun hanya sebilangan kecil sahaja yang beriman kepadanya. (Abdul Wahab, 2004: 32 – 33). Akhirnya Nabi Hu:d (a.s) memberi peringatan dan amaran yang terakhir sebagaimana firman Allah:

أَتُجَدِّلُونِي فِي أَسْمَاءِ سَمَيَّتُمُوهَا أَنْتُمْ وَعَابَوْكُمْ مَا  
نَزَّلَ اللّٰهُ بِهَا مِنْ سُلْطٰنٍ فَإِنَّمَا مَعَكُمْ مِنَ الْمُنْتَظِرِينَ



Maksudnya; “ Adakah kamu hendak berbahas denganku mengenai nama-nama yang mana kamu dan nenek moyang kamu menamakannya, sedangkan Allah tidak sekali-kali menurunkan sebarang bukti bagi membenarkannya, Maka tunggulah (kedatangan azab itu) , Sesungguhnya aku akan sama-sama menunggu bersama kamu akan saat tibanya.” (Surah al-A’ra:f, ayat 71).

Pembalasan Allah terhadap kaum ‘Ad diturunkan dalam dua tahap. Tahap pertama berupa kekeringan (kemarau) yang melanda sehingga menyebabkan ladang-ladang dan kebun-kebun mereka punah dan kontang. Mereka memohon pertolongan dengan berhala yang mereka sembah supaya diturunkan hujan bagi mengembalikan kemewahan yang mereka kecapi sebelum itu. Mereka tidak menyedari bahawa yang menurunkan malapetaka kemarau tersebut adalah Allah, moga-moga mereka dapat kembali beriman kepadanya.

Nabi Hu:d (a.s) mengingatkan kaumnya bahawa Allah boleh mengembalikan semula kemewahan kepada mereka dengan menurunkan hujan dari langit, dengan syarat mereka beriman kepada Allah dan memohon keampunan di atas segala dosa dan kemungkaran yang mereka lakukan. Ini dinyatakan oleh Allah menerusi firmanNya:

وَيَقُولُ أَسْتَغْفِرُ رَبِّكُمْ ثُمَّ تُوبُوا إِلَيْهِ يُرِسِّلُ السَّمَاءَ عَلَيْكُمْ مَدْرَازًا  
وَيَزِدُّ كُمْ قُوَّةً إِلَى قُوَّتِكُمْ وَلَا تَتَوَلَّوْ مُجْرِمِينَ

٥٢

Maksudnya: “Wahai kaumku! Mohonlah keampunan kepada Allah Tuhan kamu dan bertaubatlah kepadaNya, nescaya Dia menurunkan hujan yang lebat dari langit, dan Dia menambah kekuatan di atas kekuatan kamu, dan janganlah kamu berpaling, nanti kamu akan menjadi orang-orang yang berdosa”.(Surah Hu:d, ayat 52)

Peringatan yang diberikan oleh Nabi Hu:d (a.s) tidak diendahkan oleh kaumnya. Mereka tetap menaruh harapan kepada tuhan-tuhan berhala mereka yang boleh menyelamatkan mereka daripada kemarau yang panjang itu.

Setelah beberapa lama masa berlalu tibaalah tahap kedua kaum ‘A:d diazab Allah. Kerana begitu hebat keingkaran mereka terhadap ajaran Nabi Hu:d (a.s.), maka Allah memberikan lakanat kepada mereka, dengan terbentanglah di langit awan yang hitam. Melihat keadaan yang begitu ganjil, mereka semua keluar untuk melihat awan itu. Akhirnya mereka berkata: “*Itulah awan mendung yang menandakan sebentar lagi hujan akan turun untuk menyiram tanah dan tanaman kita, memberi minum kepada binatang-binatang ternakan kita*” (Ahmad Ja:d al-Mauwla, 1979: 27).

Nabi Hu:d (a.s) berkata kepada mereka: “*Itu bukanlah awan rahmat, tetapi awan yang membawa angin puting beliung yang akan membinasakan kamu sekalian, angin yang penuh dengan azab seksa yang pedih.*”

Tidak lama kemudian angin yang amat dahsyat bertiup dengan luar biasa hebatnya. Binatang-binatang ternakan mereka serta tanam-tanam habis dimusnahkan dalam sekelip mata. Mereka lari ketakutan masuk ke dalam rumah masing-masing. Tujuh malam dan lapan hari lamanya, angin azab mengenai mereka. (Abdul Wahab, 2004: 34). Jangankan binatang dan manusia yang musnah, batu-batu dan bukit-bukau pun menjadi hancur.

Ini dinyatakan melalui firman Allah:

وَأَمّا عَادٌ فَأَهْلِكُوا بِرِيحٍ ضَرِّيْعٍ عَاتِيَةٍ ① سَخَّرَهَا عَلَيْهِمْ سَبْعَ لَيَالٍ  
وَثَمَنِيَةَ أَيَّامٍ حُسُومًا فَتَرَى الْقَوْمَ فِيهَا ضَرْعَانِيْ كَانُوكُمْ أَعْجَازٌ نَخْلٌ  
خَاوِيَةٍ ② فَهَلْ تَرَى لَهُم مِنْ بَاقِيَةٍ

Maksudnya: “*Dan kaum dibinasakan dengan angin menderu yang sangat kencang. Diperintahkan tuhan untuk membinasakan mereka selama tujuh malam berturut-turut. Kerana itu engkau (Muhammad (s.a.w)) melihat kaum itu terbaring di sana sini bagaikan pohon kurma yang sudah tumbang. Adakah engkau melihat di antara mereka yang masih tinggal (hidup)*”. (Surah al-Ahqa:f, ayat 6 – 7)

Demikianlah kesudahan kaum ‘A:d yang tidak beriman kepada Allah, dibinasakan mereka dengan azab yang amat pedih, kecuali mereka-mereka yang beriman dengan Nabi Hu:d (a.s).

Setelah keadaan cuaca kembali tenang dan tanah “al-Ahqa:f” menjadi sunyi sepi dari kaum A:d, keluarlah Nabi Hu:d (a.s) meninggalkan tempatnya berhijrah ke Hadhramaut, di mana beliau memghabiskan sisa hayatnya sampai beliau wafat dan dikuburkan di sana. Makamnya terletak di atas sebuah bukit di suatu tempat kurang lebih 50 kilometer dari kota Siwu:n . (Abdul wahab, 2004:35)

#### **4.2.3 Kisah Nabi Saleh dan Kaum Thamu:d**

Nabi Saleh (a.s) adalah anak ‘Ubaid Bin Ja:bir Bin Thamud, dan kaumnya dinamakan Thamu:d. Salasilah lengkapnya ialah : Saleh Bin ‘Ubaid Bin Asief Bin Masyih Bin ‘Abi:d Bin Hadzir Bin Thamu:d Bin Saleh Bin Arashad Bin Sa:m Bin Nuh. Kaum Thamu:d ialah nama yang dibangsakan kepada nama datuknya yang bernama Thamu:d Bin ‘Ami:r Bin Ira:m Bin sa:m Bin Nu:h. Jadi Nabi Saleh adalah keturunan Nabi Nu:h yang keenam. (Abdul Wahab, 2004, 36)

Kaum Thamu:d ini menetap di negeri yang pernah didiami oleh kaum ‘A:d. Setelah kaum ‘A:d dibinasakan Allah, negeri mereka didiami pula oleh kaum Thamu:d.

Setelah berapa lama masa berlalu tanah yang musnah itu menjadi subur semula hinggakan kaum Thamu:d memperolehi kesenangan dan kemewahan hidup sebagaimana pernah dikurniakan kepada kaum ‘A:d sebelumnya. Kekayaan dan kemewahan hidup yang mereka kecapi membawa kepada mereka lupa kepada Allah. (Ahmad Ja:d al-Mauwla,1979: 28)

Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang tidak akan membiarkan hamba-hambanya terus berada dalam kegelapan. Oleh itu diutusnya rasul untuk memberi pertunjuk kepada hamba-hambanya yang berada dalam kesesatan. Demikianlah juga Allah tidak akan menurunkan azab atau seksa kepada sesuatu umat sebelum mereka diberi peringatan dengan pengutusan para Rasul dan Nabi. Begitulah keadaannya dengan kaum Thamu:d, di mana Allah mengutuskan Nabi Saleh untuk memimpin kaumnya daripada kesesatan kepada kebenaran. (Ahmad Ja:d al-Mauwla,1979: 28). Ini dinyatakan oleh Allah dalam firmanNya seperti berikut:

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا إِلَىٰ ثَمُودَ أَخَاهُمْ صَلِحًا أَنْ أَعْبُدُوا اللَّهَ فَإِذَا هُمْ

فَرِيقًا نَيْخُصُّهُمْ وَنَمْلُأُ الْأَرْضَ

Maksudnya: “Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan kepada kaum Thamu:d , saudara mereka iaitu Sa:leh, katanya: “Sembahlah Allah!, tetapi lantas mereka berpecah kepada dua golongan yang bermusuh-musuhan”. (Surah Al-Naml, ayat 45).

Nabi Saleh (a.s) mula berdakwah dan menyeru kaumnya supaya menyembah Allah yang menciptakan mereka, menciptakan alam semesta dan memberi segala kemewahan hasil daripada kurnian tanah-tanah yang subur. Dengan susah payah, Nabi

Saleh (a.s) menyeru kaumnya supaya beriman kepada Allah Tuhan yang Esa dan meninggalkan penyembahan berhala. Ajakan dan seruan Nabi Saleh (a.s) tidak dihiraukan mereka, bahkan mereka mengejek dan mengatakan: “*Bahawa Saleh itu hanya seorang manusia biasa sahaja*”.

Nabi saleh (a.s) sedar bahawa tentangan daripada kaumnya yang menuntut bukti daripadanya berupa mukjizat. Oleh itu beliau memohon kepada Allah supaya diberikan kepadanya mukjizat. Sesuai dengan permintaan dan doa Nabi Saleh (a.s) dianugerahkan suatu kejadian luar biasa yang merupakan mukjizat. Dengan kekuasaan Allah, seekor unta betina yang besar keluar dari perut sebuah batu besar yang berdekatan dengan sebuah bukit. Ini dinyatakan oleh Allah menerusi firmanNya:

وَمَا مَنَعَنَا أَن نُرِسِّلَ بِالْآيَتِ إِلَّا أَن كَذَّبَ بِهَا الْأَوْلُونَ وَعَاتَيْنَا<sup>٥٩</sup>  
ثُمُودَ النَّاقَةَ مُبِصِّرَةً فَظَلَمُوا بِهَا وَمَا نُرِسِّلُ بِالْآيَتِ إِلَّا تَخْوِيفًا

Maksudnya: “*Tidak menjadi halangan bagi Kami (Allah) untuk mengirimkan keterangan-keterangan (bukti-bukti), melainkan kerana keterangan-keterangan itu pernah didustakan oleh orang-orang yang terdahulu. Dan kami berikan kepada kaum Thamud seekor unta betina sebagai bukti yang jelas, tetapi mereka telah berbuat kesilapan (menzalimi dan membunuhnya), dan tiadalah Kami mengirim keterangan-keterangan itu, melainkan untuk menakutkan mereka*”. (Surah Al-Isra:’, ayat 59)

Dengan menunjukkan kepada binatang yang baru keluar dari perut batu besar tersebut, berkatalah Nabi Saleh kepada kaumnya sebagaimana firman Allah:

وَيَقُولُونَ هَذِهِ نَاقَةُ اللَّهِ لَكُمْ عَاءِيَةٌ فَذَرُوهَا تَأْكُلُ فِي أَرْضِ اللَّهِ وَلَا  
تَمْسُوهَا بِسُوءِ فَيَأْخُذُ كُمْ عَذَابٌ قَرِيبٌ

Maksudnya: “*Dan wahai kaumku! Inilah unta betina kepunyaan Allah, untuk menjadi keterangan bagi kamu. Oleh itu biarkanlah ia memakan (merumput) di bumi Allah, dan jangan kamu sakiti ia, nanti kamu kan ditimpakazab yang hampir*”.(Surah Hu:d, ayat 64).

Kaum Thamu:d tetap tidak percaya dengan kerasulan Nabi Saleh (a.s), malahan mereka merancang untuk membunuh unta tersebut. Dengan rakus mereka telah menyembelih unta tersebut tanpa menghiraukan amaran daripada Nabi saleh (a.s). Ini dinyatakan oleh Allah menerusi firmanNya seperti berikut:

فَعَقَرُوا النَّاقَةَ وَعَتَوْا عَنْ أَمْرِ رَبِّهِمْ وَقَالُوا يَنْصَلِحُ أَئْتَنَا بِمَا تَعِدُنَا إِنْ كُنْتَ مِنَ الْمُرْسَلِينَ

Maksudnya: “*Lalu meraka menyembelih (membunuh) unta betina tersebut, dan mereka telah menderhakai perintah tuhan mereka. Dan mereka berkata: “ Hai Sa:leh! Datangkanlah kepada kami apa yang telah engkau ancamkan kepada kami, jika engkau benar-benar termasuk dalam golongan utusan tuhan*”.(Surah Al-A’Ra:f, ayat 77).

Janji Allah tetap ditepati. Dalam masa tiga hari turunlah azab sebagaimana yang dijanjikan. Kaum Thamu:d telah dimusnahkan dengan angin serta halalintar (guruh petir) yang dahsyat, sebagaimana firman Allah seperti berikut:

فَأَخْذُتُهُمْ أَرْجُفَةً فَأَصْبَحُوا فِي دَارِهِمْ جَاثِمِينَ ﴿٧٨﴾

وَقَالَ يَقُومٌ لَقَدْ أَبْلَغْتُكُمْ رِسَالَةَ رَبِّي وَنَصَحْتُ لَكُمْ وَلَكِنْ لَا تُحِبُّونَ

الْتَّصْحِيفَ ﴿٧٩﴾

Maksudnya: “ Lalu mereka dibinasakan oleh Allah dengan angin serta guruh petir , hingga bergelimpangan. Kemudian Nabi Saleh meninggalkan mereka seraya berkata: “Hai kaumku! Sesungguhnya aku telah menyampaikan pesanan Tuhanmu, dan aku telah menasihati kamu, tetapi kamu tidak menyukai orang-orang yang memberikan nasihat”.(Surah Al-A’ra:f, ayat 79)

Berdasarkan ayat-ayat di atas, dapat difahami bahawa kaum Thamu:d yang ingkar dan melampaui batas telah dimusnahkan oleh Allah dengan azab yang amat pedih melainkan sebahagian pengikut Nabi Saleh (a.s) yang beriman dengan Allah. Allah menyelamatkan kaum Thamu:d yang beriman dengan diberikan pertolongan dan keselamatan daripada turut menerima azab yang diturunkan.

Mengikut riwayat, Nabi Saleh (a.s) dan pengikut-pengikutnya yang beriman telah meninggalkan negeri tersebut menuju ke Hadramaut sebelum azab ditimpakan ke atas kaum Thamu:d yang ingkar

#### 4.2.4. Cerita Nabi Ibrahim (a.s) Dan Namrud

Nabi Ibrahim (a.s.) ialah anak Aza:r Bin Sa:m Bin Nu:h. Nama asal bapa Nabi Ibrahi:m ialah Tari:kh Bin Sa:m Bin Nu:h, tetapi terkenal dengan nama Aza:r, kerana

pekerjaan hariannya iaitu membuat patung yang dijadikan sembahannya mereka. (Abdul Wahab, 2004: 41). Nabi Ibrahim (a.s.) dilahirkan pada tahun 2295 sebelum Masehi, di negeri Mausu:l pada zaman raja Namru:d. Raja Namrud seorang raja yang memerintah di Negara Babylon.

Kerajaan Babylon pada masa itu menguasai wilayah yang sangat luas. Empayar kekuasannya termasuk Negara Iraq, Syria, Jordan dan Palestin. Raja Namru:d seorang raja yang kejam dan mengakui dirinya sebagai tuhan. Kaum raja Namru:d semuanya menyembah berhala, sedangkan Nabi Ibrahim mengajak mereka untuk menyembah Tuhan yang sebenarnya. (Mustafa Suhaimi, 2003: 65)

Pada satu malam, raja Namru:d bermimpi. Dalam mimpi itu kononnya ada seorang anak kecil lelaki masuk ke dalam biliknya dan meragut mahkota di kepalanya, kemudian memijak-mijak mahkota itu sehingga hancur. Namrud pun memanggil ahli-ahli nujumnya untuk menjelaskan maksud mimpinya. Menurut tafsiran mereka kononnya akan lahir di Babylon seorang anak lelaki yang akan melawan Namrud dan menjatuhkan baginda dari tahta kerajaannya. Tafsiran ahli nujum itu menakutkan Namru:d, maka dikeluarkan perintah bahawa semua bayi lelaki di Babylon mesti dibunuh.

Pada masa itu ibu Nabi Ibrahim (a.s) sedang hamil. Untuk menyelamatkan anaknya, dia bersembunyi di dalam sebuah gua. Dia tinggal di sana sehingga bayinya itu selamat dilahirkan. Bayi itu diberi nama Ibrahim. (Mustafa Suhaimi, 2003: 65-66). Sejak kecil, Nabi Ibrahim telah mendapat petunjuk Tuhan. Setelah melihat keadaan orang-orang yang menyembah patung-patung berhala, timbul pertanyaan dalam hatinya,

bagaimana suatu benda yang dibuat dan diukir dari kayu, logam dan sebagainya dijadikan sembahamanusia, padahal patung-patung itu tidak boleh melihat, mendengar, berbicara mahupun untuk memberi pertolongan kepada mereka yang menyembahnya.

Allah mula memberi pertunjuk dan bimbingan kepada Nabi Ibrahim (a.s.) dengan diturunkan wahyu kepadanya. Lama kelamaan baginda mula mengenali Allah, tuhan sekalian alam. Baginda kemudiannya diutuskan menjadi pesuruh Allah untuk membimbing kaumnya ke arah jalan yang benar. Nabi Ibrahim a.s. mula menyeru umatnya supaya menyembah Allah. Baginda mula berhujah di hadapan kaumnya dengan hujah-hujah yang logik lagi bernas. Baginda menghina patung-patung sembahaan di hadapan kaumnya. Ini dinyatakan oleh Allah menerusi firmanNya:

قَالَ لَقَدْ كُنْتُمْ أَنْثُمْ وَإِبْرَأُوكُمْ فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ

Maksudnya: “Kamu dan bapa-bapa kamu itu sama sahaja. Semuanya berada dalam kesesatan yang nyata”. (Surah Al-Anbiya:’, ayat 54).

Reaksi serupa juga dikatakan oleh baginda ketika berhujah dengan kaumnya, melalui firman Allah :

أَيْفَكَاءِ الْهَمَةَ دُونَ اللَّهِ ثُرِيدُونَ

Maksudnya: “Apakah kamu menghendaki berhala selain Allah dengan cara berbohong?. Apa anggapan kamu terhadap Tuhan semesta alam? (Surah Al-Sa:ff:t, ayat 86-87).

Lalu kaumnya mula berdebat dengannya dengan menyuarakan beberapa pertanyaan, antaranya seperti firman Allah:

قَالُواْ أَجِئْنَا بِالْحَقِّ أَمْ أَنْتَ مِنَ الْلَّعِيْنَ ٥٥

Maksudnya: “Apakah kedatangan kamu kepada kami ini dengan sungguh-sungguh atau cuma main-main (olok-olok)? (Surah Al-Anbiya:’, ayat 55).

Mereka cuba menyangkal kerasulan Nabi Ibrahim (a.s) dengan berbagai-bagai pertanyaan dan juga alasan. Nabi Ibrahim (a.s.) menjawab pertanyaan kaumnya sambil mengancam untuk menghancurkan berhala-berhala sembahannya mereka sebagaimana firman Allah :

قَالَ بَلْ رَبُّكُمْ رَبُّ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ الَّذِي فَطَرَهُنَّ وَأَنَا عَلَى ذَلِكُمْ مِنَ الشَّاهِدِيْنَ ٥٦ وَتَأْلِلُهُ لَا يَكِيدُنَّ أَصْنَمَكُمْ بَعْدَ أَنْ تُولُوا مُدْبِرِيْنَ فَجَعَلْهُمْ جُذَادًا إِلَّا كَبِيرًا لَهُمْ لَعَلَّهُمْ إِلَيْهِ يَرْجِعُوْنَ ٥٧

Maksudnya: “Berkatalah Ibrahim, Adapun yang sebenarnya, Tuhan kamu adalah Tuhan yang menguasai langit dan bumi. Dialah Tuhan yang menciptakannya. Atas semua itu, kami dapat membuktikannya kepada kamu”. Demi Allah! Aku akan bertindak (menghancurkan) berhala-berhala kamu sepeninggalan kamu nanti. Lalu berhala-berhala itu dipecah-pecahan, melainkan yang paling besar di antaranya, mudah-mudah mereka kembali kepadanya.(Surah A-Anbiya:’, ayat 56-58)

Ada yang berpendapat bahawa sumpahan Nabi Ibrahim (a.s) dalam ayat di atas, diucapkan secara tersembunyi di dalam hati. Menurut Ibnu Mas‘u:d, bahawa ucapan itu di dengar oleh sebahagian orang di kalangan mereka. Apabila tiba masa yang sesuai, Nabi

Ibrahim (a.s) pergi ke tempat sembahana kaumnya, lalu memecahkan patung-patung berhala dengan kapak yang berada di tangannya. Baginda menghancurkan ke semua patung-patung kecil dan membiarkan sebuah patung yang besar serta disangkutkan kapak kepada patung yang besar.

Apabila kaumnya kembali untuk pergi menyembah patung-patung berhala tersebut, mereka lalu terperanjat dan terkejut bilamana melihat ke semua patung-patung sembahana mereka hancur berselerakan di atas lantai.. Lalu mereka bertanya sesama sendiri siapakah yang melakukan kerja tersebut, Ini dinyatakan oleh Allah menerusi firmanNya:

قَالُوا مَنْ فَعَلَ هَذَا بِعَالَهِتَنَا إِنَّهُ لَمِنَ الظَّالِمِينَ

Maksudnya : “Mereka berkata: Siapakah yang membuat (kehancuran) pada tuhan-tuhan kami, Benar-benar dia termasuk di kalangan orang-orang yang zalim. (Surah Al-Anbiya:, ayat 59).

Ada seorang yang tahu bahawa yang masuk tadi adalah seorang pemuda yang bernama Ibrahi:m. Di antara mereka ada yang berkata kami dengar ada seorang pemuda yang mencela berhala-berhala ini, namanya ialah Ibrahim. Lalu diajukan perkhabaran ini kepada raja Namru:d . Dengan rasa marah, raja Namru:d mengarahkan Ibrahim dibawa di penghadapan semua rakyat jelata. Lalu mereka bertanya kepada Nabi Ibrahim: Firman Allah:

قَالُوا أَنْتَ فَعَلْتَ هَذَا بِعَالَهِتَنَا يَا نَبِيُّ رَّاهِيمُ

Maksudnya; “*Mereka bertanya: Ibrahim! Engkaukah yang menghancurkan Tuhan-tuhan kami?*” (Surah Al-Anbiya:, ayat 62).

Dan Nabi Ibrahim menjawab menerusi firman Allah:

قالَ بَلْ فَعَلَهُ وَكَبِيرُهُمْ هَذَا فَسْأَلُوهُمْ إِنْ كَانُوا يَنْطِقُونَ

Maksudnya: “*Berkatalah Ibrahim: Bukan! Adapun yang melakukannya tentulah berhala yang paling besar ini. Tanyakan saja kepada ia, kalau ia boleh berbicara!*”. (Surah Al-Anbiya:, ayat 63)

Ayat di atas menunjukkan Nabi Ibrahim (a.s.) menggunakan retorika. Dengan pertanyaannya, beliau berharap mereka akan menyedari bahawa berhala-berhala itu hanyalah benda-benda mati seperti benda mati yang lainnya. (Ibnu Kathi:r, 2003: 183).

Kemudian mereka menundukkan kepala seperti orang yang mengalami rasa malu. Ini dinyatakan Allah menerusi firmanNya:

ثُمَّ نُكَسُّوْا عَلَى رُءُوسِهِمْ لَقَدْ عِلِّمْتَ مَا هَؤُلَاءِ يَنْطِقُونَ

Maksudnya: “*Kemudian mereka menundukkan kepala mereka, kata mereka, sudah tentu engkau mengetahui, bahawa Tuhan-tuhan itu tidak pandai berbicara*”. (Surah Al-Anbiya:, ayat 65).

Nabi Ibrahim (a.s) lantas mencelah dengan mengatakan bahawa mengapakah kaumnya masih hendak menyembah berhala yang mereka buat sendiri dengan tangan-tangan mereka sedangkan mereka mengetahui bahawa berhala-berhala tersebut tidak dapat memberi manfaat atau mendatangkan sedikit pun kemudharatan. Allah berfirman:

قالَ أَتَعْبُدُونَ مَا تَنْحِثُونَ ﴿٩٥﴾ وَاللَّهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ ﴿٩٦﴾

Maksudnya: “Dia (Musa) berkata: Apakah kamu menyembah sesuatu yang kamu pahat sendiri. Padahal Allah yang menciptakan kamu dan apa yang kamu kerjakan.”(Surah Al-Sa:ffa:t, ayat 95-96).

Seterusnya raja Namru:d dan pembesar lainnya, tidak dapat menahan marah apabila melihat perbuatan Nabi Ibrahim yang menurut mereka sangat keterlaluan. Setelah selesai Nabi Ibrahim (a.s) menghuraikan pidatonya, para hakim memutuskan keputusan bahawa Nabi Ibrahim (a.s) harus dibakar hidup-hidup sebagai pengajaran atas tindakannya menghina dan menghancurkan Tuhan-tuhan mereka. Raja Namru:d mengarahkan para pengikutnya supaya dikumpulkan kayu-kayu api untuk membakar Nabi Ibrahim (a.s). (Abdul wahab, 2004: 46-47).

Setelah terkumpul kayu api di tempat yang disediakan untuk upacara pembakaran, datanglah semua hamba rakyat Namru:d untuk menyaksikan perlaksanaan hukuman atas diri Nabi Ibrahim (a.s). Setelah unggun api dibakar, mereka mencampakkan Nabi Ibrahim (a.s) ke dalamnya. Allah Maha Berkuasa menyelamatkan pesuruhnya dari sebarang malapetaka, di mana Allah menyeru kepada api supaya menjadi sejuk dan nyaman dan tidak membakar tubuh Nabi Ibrahim (a.s). Ini dirakam oleh Allah menerusi firmannya:

قَالُوا حَرَقُوهُ وَأَنْصِرُوهُ إِلَيْهِتُكُمْ إِنْ كُنْتُمْ فَاعْلَمْنَ قُلْنَا يَسْتَأْنِرُ كُونِي  
بَرَدًا وَسَلَامًا عَلَى إِبْرَاهِيمَ ﴿١٨﴾

Maksudnya: “*Mereka berkata: Bakarlah dia dan bantulah Tuhan-tuhanmu kalau kamu benar-benar ingin bertindak.*” Kami berfirman: Wahai api! Jadilah kamu dingin dan membawa keselamatan ke atas Ibrahim”. (Surah Al-Anbiya:’, ayat 68-69).

Semua orang yang menyaksikan pembakaran Nabi Ibrahim (a.s) ketika itu, menganggap bahawa baginda telah hangus menjadi abu, namun tidak demikian halnya. Nabi Ibrahim (a.s) selamat dalam unggan api yang besar tanpa merasa panas sedikit pun. Apabila api sudah padam, Nabi Ibrahim keluar dengan selamat. Rakyat jelata berasa hairan dengan kejadian tersebut. Sesetengah daripada mereka terus beriman dengan Nabi Ibrahim (a.s) dan sebahagian besar yang lain tetap berada dalam kekufuran. (Ahmad Ja:d Al-Mauwla: , 1979: 47).

Manakala Namru:d dibinasakan oleh Allah dengan diutuskan seekor nyamuk yang memasuki lubang telinganya, dan akhirnya dia mati dalam keadaan yang menggerikan. Begitulah Sunnah Allah, para Nabi dan Rasul adalah utusannya, dan Allah akan sentiasa memelihara mereka daripada segala bencana dan malapetaka.

#### **4.2.5 Cerita Nabi Yusuf (s.) dan saudara-saudaranya.**

Cerita dan kisah Nabi Yu:suf (a.s) merupakan satu kisah yang dinyatakan dalam al-Qur'an melalui satu surah yang panjang iaitu sebanyak 111 ayat. Boleh dikatakan keseluruhan ayat-ayatnya berbentuk perbualan di antara watak-watak yang terlibat. Di samping itu cerita yang dimuatkan, dibahagikan kepada beberapa slot penceritaan dan adegan yang berasingan, begitu juga dengan peristiwa, tempat dan waktu yang berlainan.

Dalam kajian ini, penulis hanya memilih satu slot cerita yang berkaitan Nabi Yusuf (a.s) dan saudara-saudaranya. Kisah ini dipaparkan menerusi ayat 7 hingga 18 daripada surah Yu:suf. Sebagai memulakan penceritaan, Allah berfirman;

﴿لَقَدْ كَانَ فِي يُوسُفَ وَإِخْوَتِهِ حَسَابٌ لِّلْسَابِلِينَ﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya kisah Yusuf dengan saudara-saudaranya menjadi keterangan kepada orang-orang yang bertanya.” (Surah Yu:suf, ayat 7).

Nabi Yusu:f (a.s) adalah anak kepada Nabi Ya’qu:b yang seramai 12 orang kesemuanya. (Mustaffa Suhaimi, 2003:77). Di antara saudara-saudara Nabi Yusu:f (a.s.), enam daripada mereka adalah anak-anak daripada isteri Nabi Ya‘qu:b yang bernama *Laiyya Bint Laiyyan*. Mereka terdiri daripada : *Rub:il*, *Syam’:un*, *La:wi*, *Ya:huz:a*, *Yashjar* dan *Da:bulu:n*. Empat daripada mereka ialah *Da:na*, *Naftaliy*, *Ja:da:* dan *Asha:r*. adalah hasil perkongsian hidup Nabi Ya’qu:b (a.s) dengan seorang hambanya yang bernama *Balhat*. Manakala Bunya:mi:n dan Nabi Yu:suf (a.s) adalah anak Nabi Ya‘qu:b daripada isterinya yang bernama *Ra:hil* iaitu adik kepada *Laiya* yang dikahwini oleh Nabi Ya’qub (a.s) secara salin tikar selepas kematian kakaknya. (H.M. Salim Bahreisy, 1980: 135 -140)

Perkara utama yang berlaku dalam kisah ini ialah perasaan hasad dengki yang bersarang kuat dalam diri saudara-saudara Nabi Yusuf (a.s). Mereka menaruh perasaan dengki terhadap Nabi Yusuf (a.s) yang pada pandangan mereka, lebih dikasihi oleh bapa mereka. Memang menjadi lumrah seorang bapa akan memberi perhatian yang lebih kepada anaknya yang masih kecil, lebih-lebih lagi anak tersebut memerlukan belaian

manja dan perhatian yang lebih. Kisah ini dipaparkan menerusi dialog yang cukup menarik sebagaimana firman Allah;

إِذْ قَالُوا لَيُوسُفَ وَأَخْوَهُ أَحَبُّ إِلَى آبَيْنَا مِنَّا وَنَحْنُ عُصَبَةٌ إِنْ أَبَانَا لِفِي  
ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿٨﴾ أَقْتَلُوا يُوسُفَ أَوْ أَطْرَحُوهُ أَرْضًا يَخْلُ لَكُمْ وَجْهُ  
آبَيْكُمْ وَتَكُونُوا مِنْ بَعْدِهِ قَوْمًا صَلِحِينَ ﴿٩﴾ قَالَ قَاتِلُهُ مُتَهَمٌ لَا تَقْتُلُوا  
يُوسُفَ وَالْقُوَّةُ فِي غَيْرِ بَيْتِ الْجُبَيْرِ يَلْتَقِطُهُ بَعْضُ الْسَّيَّارَةِ إِنْ كُنْتُمْ  
فَنَعِلِينَ ﴿١٠﴾ قَالُوا يَاتَّابَاتَا مَا لَكَ لَا تَأْتِنَا عَلَى يُوسُفَ وَإِنَّا لَهُ لَنَاصِحُونَ  
﴿١١﴾ أَرْسِلْهُ مَعَنَا غَدًا يَرْتَعُ وَيَلْعَبُ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

Maksudnya: “Ketika Kami berkata: “Y:usuf dan adiknya lebih disayangi oleh bapa kita, sedangkan kita ramai. Sesungguhnya bapa kita sudah jelas terpesung. Bunuhlah Yusuf atau buangkan dia ke tempat yang jauh, supaya kasih sayang bapa tertumpu kepada kamu sahaja dan selepas itu kamu boleh menjadi orang-orang yang baik. Seorang di kalangan mereka berkata: Jangan bunuh Yu:suf !, lebih baik kamu campakkan dia ke dalam perigi, nanti akan dipungut oleh mana-mana orang musafir, sekiranya kamu hendak lakukan. Mereka berkata; “Wahai bapa kami, mengapa engkau tidak percaya kepada kami untuk menjaga Yu:suf, padahal kami akan mengambil berat terhadapnya. Biarkanlah dia keluar bersama dengan kami untuk bersiar-siar dan bermain-main, sesungguhnya kami akan menjaganya.” (Surah Yusuf, ayat 8 – 12).

Daripada ayat-ayat di atas, jelas menunjukkan perasaan hasad dengki saudara-saudara Nabi Yu:suf (a.s) terhadapnya dan adiknya Bunya:mi:n. Memang kebetulan Nabi Yu:suf (a.s) dan adiknya masih kecil dan perlukan perhatian yang lebih daripada abang-abangnya yang sudah dewasa. Kesayangan Nabi Ya’qu:b (a.s) kepada Nabi Yu:suf (a.s) dan adiknya memang wajar, kerana ibu mereka telah meninggal dunia sewaktu melahirkan Bunya:mi:n. (Abdul Wahab, 2004: 78).

Oleh kerana tebalnya perasaan hasad dengki terhadap Nabi Yusuf (a.s), maka ada di antara mereka yang mencadangkan supaya dibunuh sahaja adik mereka, tetapi Allah lebih bijaksana dengan menampakkan kepada salah seorang daripada mereka supaya mengubah rancangan hendak membunuh kepada rancangan yang lain, iaitu mencampakkan adik mereka ke dalam perigi supaya dapat dipungut oleh orang yang lalu lalang di kawasan itu. (Mustaffa Suhaimi, 2003: 80-86)

Setelah mereka memujuk bapa mereka Ya'qu:b (a.s), akhirnya mereka berjaya membawa Nabi Yu:suf (a.s) keluar berjalan bersama mereka dengan niat yang buruk. Akhirnya apabila menjelang petang, dengan penuh tangisan yang dibuat-buat mereka menyampaikan berita bahawa Nabi Yu:suf telah dimakan serigala. Sebagai bahan bukti, mereka menunjukkan baju Nabi Yusuf (a.s) yang koyak rabak dan berlumuran darah palsu. (Abdul Wahab,2004: 79). Namun Nabi Ya'qu:b (a.s) tetap tidak percaya dengan perkhabaran berita yang dibawa oleh mereka sehingga baginda terpaksa bersabar menanggung duka di atas perpisahan dengan anaknya yang dikasihi itu.. Baginda lantas memohon pertolongan daripada Allah agar dapat melindungi nasib anaknya. (H.Salim Bahreisy, 1980: 146 -148)

Demikianlah sebahagian kisah yang dipaparkan dalam surah Yu:suf. Kesudahan kisah berpihak kepada yang benar, di mana Nabi Yusuf akhirnya diangkat menjadi seorang menteri yang menguruskan hal-hal pertanian dan hasil bumi di negeri Mesir.

#### **4.2.6 Kisah Nabi Sulaiman (a.s) dan Ratu Balqis**

Nabi Sulaima:n (a.s) adalah anak Nabi Daud (a.s.) Bin Isya dari keturunan

Yahudza Bin Ya'qub Bin Ibrahim. (Mustaffa Abdul Wahab, 2004: 135) Nabi Sulaiman (a.s.) merupakan seorang Nabi yang dipilih oleh Allah menjadi seorang raja yang berkuasa. Baginda adalah putera kepada Nabi Daud (a.s) yang menduduki singgahsana kerajaan Bani Isra'il pada awal usia 13 tahun. Sejak kecil lagi, Nabi Daud (a.s) telah dilatih oleh bapanya (Nabi Daud) untuk menggantikannya apabila baginda wafat. (Mustaffa Suhaimi, 2003:125)

Setelah wafat Nabi Daud (a.s.) , Nabi Sulaiman (a.s.) ditabalkan menjadi raja di kalangan Bani Isra'il dengan tampuk pemerintahan yang luas. Allah juga telah memberikan kuasa kepada Nabi Sulaiman (a.s) bagi menundukkan makhluk-makhluk yang lain seperti jin, angin, binatang-binatang dan juga burung-burung. Baginda juga diberi kelebihan oleh Allah untuk pergi ke merata tempat dengan bantuan angin. (Abdul Wahab, 2004: 135). Sebagai satu mukjizat yang agung, Nabi Sulaiman dianugerahkan oleh Allah untuk memahami bahasa binatang dan begitulah sebaliknya binatang-binatang dapat pula memahami apa yang diucapkan oleh Nabi Sulaiman. Ini diberitakan oleh Allah menerusi firmannya mengenai kisah Nabi Sulaiman dengan semut;

حَتَّىٰ إِذَا أَتَوْا عَلَىٰ وَادِ الْنَّمْلِ قَالَتْ نَمْلَةٌ يَتَأْتِيَهَا الْنَّمْلُ أَدْخُلُوهُ مَسْكِنَكُمْ  
لَا يَحْطِمَنَّكُمْ سُلَيْمَانٌ وَجْنُودُهُ وَهُمْ لَا يَشْعُرُونَ



Maksudnya; “(Maralah angkatan itu) Hingga apabila mereka sampai ke Lembah semut, berkatalah seekor semut; Wahai sekalian semut! Masuklah ke dalam sarang kamu masing-masing, jangan pula nanti Sulaiman dan tenteranya memijak serta membina sakan kamu, sedangkan mereka tidak menyedari.’ (Surah al-Naml, ayat 18).

Padahal, Nabi Sulaiman (a.s.) dapat memahami bahasa semut tersebut, lantas baginda tersenyum seraya berkata menerusi firman Allah:

وَقَالَ رَبِّيْ أَوْزِعْنِيْ أَنْ أَشْكُرْ نِعْمَتَكَ الَّتِيْ أَتَعْمَلَتْ عَلَيْ وَعَلَى  
وَالِّدَيْ وَأَنْ أَعْمَلَ صَدِيقًا تَرْضِيْهُ وَأَدْخِلْنِي بِرَحْمَتِكَ فِي عِبَادِكَ

الصَّدِيقِينَ

Maksudnya; “Wahai Tuhanaku ! Ilhamkan daku supaya aku tetap mensyukuri nikmatmu yang Engkau kurniakan kepadaku dan kepada kedua ibu bapaku, dan supaya aku tetap mengerjakan amal soleh yang engkau redhai; dan masukkanlah daku dengan limpah rahmatmu di kalangan hamba-hambamu yang soleh.” (Surah al-Naml, ayat 19).

Sebagai meneruskan tampuk pemerintahan bapanya (Nabi Daud a.s.) Nabi Sulaiman (a.s.) terus membangunkan Baitul Maqdis dengan bantuan rakyatnya dan jin-jin yang berada di bawah takluknya. Pada satu hari, ketika mana baginda dan tenteranya berangkat ke San'a:, iaitu ibukota negeri Yaman, baginda memanggil seekor burung yang dinamakan hud hud (belatok) untuk sesuatu tugas, tetapi hud hud tiada juga muncul. Nabi Sulaiman terus mengugut dan mengancam untuk mengajar burung hud-hud yang hilang dari pandangan jika tidak diberikan alasan yang munasabah. (Ahmad Ja:d al-Mauwla dll, 1979: 197).

Setelah beberapa ketika, burung hud hud itu pulang membawa berita dari sebuah negeri yang dinamakan Saba:’ dan dia terus mengadap di hadapan Nabi Sulaiman (a.s) dengan menundukkan kepala dan dengan penuh ketakutan seraya berkata:

فَقَالَ أَخْطُثُ بِمَا لَمْ تُحِيطُ بِهِ وَجِئْتُكَ مِنْ سَبَبٍ بِسَبَبٍ  
 يَقِينٌ ﴿٢٢﴾ إِنِّي وَجَدْتُ أَمْرًا تَمْلِكُهُمْ وَأُوتِيتُ مِنْ كُلِّ شَيْءٍ وَلَهَا عَرْشٌ  
 عَظِيمٌ ﴿٢٣﴾ وَجَدْتُهَا وَقَوْمَهَا يَسْجُدُونَ لِلشَّمْسِ مِنْ دُونِ اللَّهِ وَزَيْنَ لَهُمْ  
 الْشَّيْطَنُ أَعْمَلَهُمْ فَصَدَّهُمْ عَنِ السَّبِيلِ فَهُمْ لَا يَهْتَدُونَ ﴿٢٤﴾

Maksudnya; “Aku dapat mengetahui apa yang tidak dapat kamu ketahui, dan aku datang kepadamu dari negeri Saba’ (Yaman tua) dengan membawa khabar berita yang diyakini kebenarannya. Sesungguhnya aku mendapati seorang perempuan yang memerintah rakyat-rakyatnya, dan diberikan kepadanya setiap apa yang diperlukan (harta kekayaan, bala tentera dan lain-lain) dan dia pula memiliki singgahsana yang besar, (tersergam). Dan aku dapati raja perempuan itu dan kaumnya menyembah matahari selain dari Allah, dan syaitan telah memperdayakan mereka dengan amalan mereka, lalu menjauhkan mereka daripada jalan yang benar, sedangkan mereka tidak beroleh pertunjuk.” (Surah al-Naml, ayat 24).

Setelah perutusan demi perutusan di antara kedua-dua raja tersebut, akhirnya raja Balqis bersetuju untuk datang mengadap Nabi Sulaiman (a.s). Sebagai menyambut ketibaan raja Balqis, Nabi Sulaiman (a.s) mengarahkan sesiapa di kalangan pembesarnya (manusia dan jin) untuk memindahkan istana raja Balqis dari negeri Saba’ ke Palestin. Di kalangan mereka, ‘Ifri:t merupakan jin yang mampu memindahkannya dengan sekelip mata. Setelah mahligai Balqis dipindahkan di hadapan mata Nabi Sulaiman (a.s), baginda mengarahkan supaya diubah suai reka bentuk mahligai tersebut mengikut mukjizat Nabi Sulaiman (a.s) dan kepandaian para pembesar dari kalangan jin.

Setelah raja Balqis tiba, berkatalah Nabi Sulaiman (a.s) kepadanya. “Adakah istana ini sama dengan istana kepunyaanmu?” Jawab ratu Balqi:s: “Memang bentuknuya sama seperti singgahsanaku”. Lalu beliau dipersilakan masuk ke dalam mahligai yang

baru dipindahkan sambil menyingsingkan kainnya dari betisnya, kerana lantai mahligai itu seolah-olah air dan takut kalau-kalau basah. Maka Nabi Sulaiman (a.s) berkata kepadanya : “*Ini bukan air, tetapi mahligai ini diperbuat daripada kaca yang berkilau-kilaun*” (Abdul Wahab, 2004:141) Ini dirakam oleh Allah menerusi firmanNya;

قِيلَ لَهَا أَذْخُلِي الصَّرْحَ فَلَمَّا رَأَتْهُ حَسِبَتْهُ لُجَّةً وَكَشَفَتْ عَنْ سَاقِيهَا قَالَ إِنَّهُ صَرْحٌ مُمَرَّدٌ مِنْ قَوَارِيرٍ قَالَتْ رَبِّ إِنِّي ظَلَمْتُ نَفْسِي وَأَسْلَمْتُ مَعَ سُلَيْمَانَ لِلَّهِ رَبِّ الْعَدْلَمِينَ ﴿٤٤﴾

Maksudnya: “*Dikatakan kepadanya, Masuklah ke dalam istana ini ! Maka tatkala Balqis melihatnya, disangkakan halaman istana itu sebuah kolam air, serta dia pun menyingsingkan pakaian dari dua betisnya. Nabi Sulaiman berkata; Sebenarnya ini adalah sebuah istana yang diperbuat licin berkilat dari kaca. (mendengar yang demikian) Balqis berdoa; Wahai Tuhanku Sesungguhnya aku telah menganiayai diriku sendiri dan aku berserah diri memeluk Islam bersama Sulaiman, hanya kerana Allah Tuhan sekelian alam.*” (Surah al-Naml, ayat 44).

Menurut sejarah, akhirnya Nabi Sulaiman (a.s) dan Balqis berkahwin dan hasil dari perkahwinan tersebut , mereka dikurniakan seorang putera, dan daripada putera itu lahirlah keturunan raja-raja kaisar di negeri Ethophia dan ‘Abessinia. (H. Bahreisy, 1980 :350 – 353).

Dia antara pengajaran yang dapat dipetik daripada kisah Nabi Sulaiman (a.s) dan Raja Balqi:s seperti berikut:

- i. Nabi Sulaiman (a.s.) dapat mengerti bahasa binatang atas izin Allah. Misalnya dapat memahami bahasa burung, semut dan sebagainya.
- ii. Nabi Sulaiman (a.s.) dapat menundukkan ratu Balqi:s yang menguasai kerajaan Saba:’ serta dapat mengislamkannya.

- iii. Nabi Sulaiman (a.s.) meninggal dunia di tempat yang tidak diketahui oleh manusia. Jenazahnya hanya berjaya diketemukan setelah beberapa hari namun jenazahnya tetap tidak membusuk ataupun reput.

#### **4.2.7 Kisah Nabi Yunus (a. s.) Ditelan ikan Nu:n**

Kisah Nabi Yunus (a.s) banyak disentuh oleh Allah dalam beberapa surah dan ayat al-Qur'an, antaranya Surah Yunus, Al-Anbiya':, Al-Saf, Surah Al-Qalam dan sebagainya. (Ibnu Al-Kathi:r, 2003, 384)

Di dalam ayat di bawah, Allah menyentuh sedikit tentang kisah Nabi Yunus melalui firmanNya:

فَلَوْلَا كَانَتْ قَرِيَةٌ ءاْمَنَتْ فَنَفَعَهَا إِيمَانُهَا إِلَّا قَوْمٌ يُؤْنَسُ لَمَّا ءاْمَنُوا كَشَفْنَا  
عَنْهُمْ عَذَابَ الْخُرُبِ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَمَتَعْنَاهُمْ إِلَى حِينٍ

Maksudnya: “*Mengapakah tidak ada penduduk sesuatu negeri (kota) yang beriman, lalu keimanannya itu bermanfaat kepadanya, selain kaum Yunus?. Apabila mereka beriman, cabut dari mereka azab yang menghinakan di dunia dan berikan kepada mereka kesenangan sehingga waktu tertentu.*” (Surah Yu:nus, ayat 98).

Dan firman Allah lagi:

وَذَا الْنُّونِ إِذْ ذَهَبَ مُغَاضِبًا فَظَنَّ أَنَّ لَنْ تَقْدِيرَ عَلَيْهِ فَنَادَى فِي الظُّلْمَتِ  
أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ

Maksudnya: “*Dan (ingatlah kisah) Zul Al-Nu:n (Yu:nus) ketika dia pergi dengan membawa kemarahan. Dia menyangka bahawa Kami tidak mampu berbuat sesuatu pada*

*dirinya. Maka dalam keadaan yang gelap dia berseru bahawa tidak ada Tuhan selain Engkau, Maha Suci Engkau. Sesungguhnya aku termasuk dalam golongan orang-orang yang zalim".* (Surah Al-Anbiya:', ayat 87).

Nabi Yu:nus (a.s) dilantik menjadi Rasul ketika umurnya meningkat ke tiga puluh tahun untuk membawa ajaran tauhid dan iman kepada kaumnya, mengajak mereka agar menyembah Allah yang telah menciptakan mereka dan menciptakan alam semesta. Ajaran-ajaran Nabi Yu:nus (a.s) itu bagi para penduduk Ninawa merupakan hal yang baru yang belum pernah mereka dengar sebelumnya, justeru mereka tidak dapat menerimanya untuk menggantikan ajaran dan kepercayaan yang telah diwarisi oleh nenek moyang mereka yang sudah menjadi adat kebiasaan mereka turun temurun. (Abdul Wahab, 2004: 149-150).

Terdapat banyak riwayat mengenai bilangan kaum Nabi Yu:nus (a.s). Antaranya riwayat oleh Al-Tirmiziy, Ibnu Jari:r dan Ibnu Abu: Ha:tim menyatakan bilangan mereka adalah sebanyak seratus ribu orang atau lebih. Mengikut riwayat Sa'i:d Ibnu Jubair, jumlah mereka adalah seratus tujuh puluh ribu orang. Mereka berbeza pendapat mengenai apakah diutuskan Yu:nus a.s kepada mereka setelah ditelan ikan raksasa atau sebelumnya ayat kedua-duanya itu merupakan umat yang berbeza. (Ibnu Kathi:r, 2003, 387-388)

Bertahun-tahun baginda mengajak kaumnya untuk menyembah Allah, tetapi semua kaumnya tidak ada yang taat, hanya dua orang sahaja dari mereka itu yang mahu beriman iaitu Ruhil dan Tanu:kh. Nabi Yu:nus (a.s.) berdoa kepada Allah, agar kaumnya menerima ajarannya itu. Maka datanglah wahyu dari Allah yang mengatakan agar Yu:nus

tetap berdakwah kaumnya dalam tempuh empat puluh hari lagi. Apabila sepanjang empat puluh hari itu kaumnya tidak mahu juga beriman kepada Allah, nescaya Allah akan menurunkan seksaanNYa. (Abdul Wahab, 2004: 150).

Kembalilah Nabi Yu:nus (a.s) kepada kaumnya dan setelah cukup bilangannya tiga puluh tujuh hari, umat Nabi Yu:nus (a.s) masih tetap dalam kekufuran. Bermacam-macam cara dakwah disampaikan, namun tidak dipedulikan mereka. Nabi Yu:nus (a.s) kecewa dengan sikap kaumnya lalu baginda meninggalkan negeri Niwana. Beliau pergi menumpang sebuah kapal. Sepeninggalan Nabi Yu:nus (a.s), pada malam ke empat puluh dari perjanjian akan turunnya azab, telah kelihatan penduduk Ninawa mulai melihat tanda-tanda yang mencemaskan, seakan-akan ancaman Nabi Yu:nus (a.s) kepada mereka akan menjadi kenyataan dan hukuman Allah akan-benar-benar terjadi.

Mereka melihat di sekeliling negeri Niwana semakin menjadi gelap dengan awan hitam bergumpal-gumpal dilangit. Mereka menjadi takut, dan binatang-binatang peliharaan mereka tampak berkeliaran dan gelisah, wajah-wajah mereka menjadi pucat. Tiba-tiba angin bertiup dengan kencangnya dari segenap arah. Dalam keadaan panik dan ketakutan, sedarlah mereka bahawa Nabi Yu:nus (a.s) tidak berdusta, dan bahawa apa yang diancamkan kepada mereka bukanlan ancaman kosong semata-mata.

Justeru, mereka bersegera untuk bertaubat dan memohon ampun atas segala perbuatan mereka, menyatakan beriman dan percaya kepada kebenaran dakwah Nabi Yu:nus (a.s). Lalu mereka beramai-ramai pergi ke bukit-bukit dan padang pasir, lalu menangisi memohon ampun dan rahmat Allah agar dihindarkan dari bencana azab dan seksanya. Allah Maha Pengasih dan Maha Penyayang lagi Maha menerima taubat oleh

orang-orang yang benar-benar bertaubat kepadaNya. Keadaan menjadi tenang semula, awan-awan yang hitam dan bergumpal-gumpal itu hilang dengan sekelip mata. (Abdul Wahab, 2004: 150-151).

Pemergian Nabi Yu:nus (a.s) meninggalkan kaumnya, tidak lain tidak bukan adalah disebabkan oleh kemarahan terhadap mereka. Baginda pergi menumpang sebuah kapal. (Ahmad Ja:d Al-Mauwla:, 1979: 237). Ketika dalam perjalanan, tiba-tiba kapal tadi terumbang ambing kerana terlalu banyak beban muatannya. Para ahli tafsir mengatakan bahawa mereka hampir tenggelam. Para kelasi kapal segera berbincang sesama sendiri. Hasilnya para penumpang diminta mencabut undi. Sesiapa namanya yang terpilih,maka dia harus terjun ke laut. Dengan begitu muatan kapal akan berkurangan. Setelah dilakukan pengundian, ternyata yang keluar ialah Nabi Yu:nus (a.s.), namun para penumpang tidak dapat menerima kenyataan itu.

Pengundian diulang untuk kali yang kedua dan hasilnya tetap sama. Nabi Yunus (a.s) di undi buat kali ketiga dan baginda segera menyingsingkan pakaianya untuk terjun ke laut. Ini adalah kehendak Allah sebagai pengajaran kepada Nabi Yu:nus (a.s). Allah telah mengutuskan seekor ikan yang besar dari lautan luas, dan menyuruh ikan itu agar menelannya tanpa memakan tubuhnya dan merosakkan tulang-tulangnya. Allah berfirman:

وَإِنْ يُوْسَعَ لِمِنَ الْمُرْسَلِينَ ﴿١٣٤﴾ إِذْ أَبْقَى إِلَى الْفُلْكِ الْمَشْحُونِ  
فَسَاهَمَ فَكَانَ مِنَ الْمُدْحَضِينَ ﴿١٣٥﴾ فَالْتَّقَمَهُ الْحُوتُ وَهُوَ مُلِيمٌ

Maksudnya: “Sesungguhnya Yu:nus benar-benar termasuk dalam golongan utusan Allah. Ketika dia lari (meninggalkan tanggung jawabnya) menuju ke kapal yang penuh

dengan muatan. Kemudian beliau ikut mencabut undi, lalu dia kalah dalam undian. Maka dia ditelan oleh ikan besar dalam keadaan yang tercela". (Surah Al-Sa:ffa:t, ayat 139-142).

Di dalam perut ikan, beliau dibawa berputar-putar menjelajahi lautan luas. Ada yang mengatakan bahawa ikan besar itu telah di telan oleh ikan lain yang lebih besar. Para ahli tafsir mengatakan bahawa setelah berada di dalam perut ikan itu untuk beberapa lama, beliau mengira dirinya akan mati. Beliau cuba menggerakkan tubuhnya, ternyata badannya masih berfungsi seperti biasa. (Ibnu Kathi:r ,2003: 388-389).

Ketika ikan besar itu membawa dirinya berputar-putar di dasar lautan yang luas, dan mebawa tubuhnya melayang-layang di perairan yang masin dan berombak-ombak. Dia mendengar dari dalam perut ikan besar itu, suara-suara bacaan tasbih kepada Allah yang keluar daripada mulut ikan itu. Beliau juga mendengar sayup-sayup bacaan tasbih dari terumbu-terumbu laut kepada Zat yang menumbuhkan benih-benih terumbu.

Dalam keadaan yang lemah, Nabi Yu:nus (a.s) berdoa dan turut bertasbih kepada Allah agar diberikan pertolongan kepadanya. Allah berfirman seperti berikut:

وَذَا الْنُّونِ إِذْ ذَهَبَ مُغَاضِبًا فَظَلَّ أَنْ لَنْ نَقْدِرَ عَلَيْهِ فَنَادَى فِي الظُّلْمَتِ  
أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿٨٧﴾ فَلَسْتَ جَبُّنَا  
لَهُ وَنَجَّيْنَا مِنَ الْعُمَّ وَكَذَلِكَ نُنْجِي الْمُؤْمِنِينَ ﴿٨٨﴾

Maksudnya: “Dan (ingatlah kisah) Zu al-Nu:n (Nabi Yunus) ketika dia pergi dalam keadaan marah, lalu dia menyangka bahawa Kami tidak akan menyulitkannya, Maka dia menyeru (Allah) dalam keadaan yang sangat gelap bahawa: Tidak ada Tuhan selain Engkau Maha suci Engkau. Sesungguhnya aku termasuk dalam golongan orang-orang yang zalim. Maka Kami perkenankan (mengabulkan) doanya, dan kami selamatkan dia dari kedukaan. Demikianlah Kami selamatkan orang-orang yang beriman”. (Surah al-Anbiya:’, ayat 87 -88)

Ketika Allah mengabulkan doa Nabi Yu:nus (a.s), maka ikan besar itu terdampar di pinggir laut dan keluarlah Nabi Yu:nus (a.s) dari perut ikan tersebut dengan izin Allah. Setelah itu Nabi Yu:nus (a.s) pulang ke kampung halamannya dan di dalam perjalanan, beliau bertemu dengan seorang budak gembala, lalu dia berkata: “*Bagaimakah khabarnya orang-orang yang tinggal di kampong ini?*”

*Jawab budak gembala: “Khabar mereka baik, mereka hidup dalam aman sentosa kerana mereka sudah bertaubat kepada Allah sebelum azab diturunkan. Rupanya azab itu tidak jadi diturunkan oleh Allah”.*

Mendengar jawapan anak gembala itu, bukan main gembira lagi hati Nabi Yu:nus (a.s) seraya berkata: “*Aku inilah Yu:nus, Nabi yang diutuskan kepada mereka itu*”.

Penduduk kampung itu menanti-nanti kepulangan Nabi Yu:nus (a.s) yang sudah lama menghilang. Mereka sangat gembira di atas kembalinya Nabi Yu:nus (a.s) dan mereka menyambutnya dengan penuh gembira, dan dia tetap bersama mereka beberapa tahun lamanya, sebagaimana firman Allah seperti berikut:

وَأَرْسَلْنَا إِلَىٰ مِائَةِ أَلْفٍ أَوْ يَزِيدُونَ ﴿١٤٧﴾ فَعَامَنُوا فَمَتَّعْنَاهُمْ إِلَىٰ حِينٍ



Maksudnya: “*Dan Kami utuskan (Yu:nus) kepada umat yang bilangannya sebanyak seratus ribu atau lebih, lalu mereka beriman kepadanya dan Allah memberikan kesenangan kepada mereka sampai ajalnya*”. (Surah Al-Sa:ffa:t, ayat 147-148).


#### **4.2.8 Cerita Kedegilan Bani Isra'il dan Balasan Allah Terhadap Mereka**

Bani Isra'il merupakan kaum yang banyak diceritakan oleh Allah dalam al-Qur'an di mana Allah menyebut perkataan بَنِي إِسْرَائِيلْ sebanyak 43 kali dalam al-Qur'an.

Mereka merupakan satu bangsa yang terkenal dengan amalan ilmu sihir sejak zaman Nabi Sulaiman (a.s.) lagi. Sihir ialah satu ilmu yang luar biasa, ia diamalkan oleh orang yang menyekutukan Allah. Pada asalnya, ilmu sihir telah diajar oleh dua orang Malaikat, iaitu *Ha:ru:t* dan *Ma:ru:t*. Mereka diturunkan oleh Allah di Babilion untuk menguji keimanan penduduknya dengan ilmu sihir. Ramai di kalangan mereka yang terpengaruh dengan ilmu tersebut sehingga banyak berlakunya fitnah dan kerosakan.

Mereka terdiri daripada bangsa Yahudi yang terkenal dengan kedegilan dan sering ditimpa malapetaka kerana keingkaran yang mereka lakukan. Bani Isra'il berasal dari bangsa Yahudi yang diselamatkan oleh Allah daripada Fir'aun dan tentera-tenteranya yang telah berjaya menyeberangi Laut Merah. Oleh sebab itu, Allah memperingatkan mereka supaya sentiasa mensyukuri nikmat-nikmat Allah yang dikurniakan kepada mereka seperti makanan yang lazat sebagaimana firman Allah Ta'aala :

يَدْبَنِي إِسْرَائِيلَ أَذْكُرُو أَذْعَمْتَنِي اللَّهُ أَنْعَمْتَ عَلَيْكُمْ وَأَنِّي فَضَلَّتُكُمْ عَلَى



Maksudnya: “*Wahai Bani Isra’il ! Ingatlah nikmat yang Aku kurniakan kepada kamu dan ingatlah bahawasanya Aku telah melebihkan (nikmat-nikmat) kamu daripada umat-umat lain (pada zamannya)* .(Surah al-Baqarat, ayat 47)

Dan firman Allah:

وَظَلَّلَنَا عَلَيْكُمُ الْغَمَامَ وَأَنْزَلَنَا عَلَيْكُمُ الْمَنَّ وَالسَّلَوَىٰ كُلُّوا مِنْ طَيِّبَاتِ  
مَا رَزَقْنَاكُمْ وَمَا ظَلَمْوْنَا وَلَكِنْ كَانُوا أَنفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ



Maksudnya: “*Kami lindungi kamu dengan awan (daripada kepanasan cahaya matahari). Kami turunkan al-Manna dan al-Salwa, Makanlah makanan yang baik kurniaan kami. Sebenarnya mereka tidak menganiayai Kami, tetapi mereka yang menganiayai diri mereka sendiri.*” (Surah al-Baqarat, ayat 57).

Mereka telah diselamatkan daripada keganasan Fir'aun dan tenteranya ketika mana Nabi Musa (a.s) dan kaumnya lari daripada Fir'aun hingga sampai ke tepi Laut Merah. Dalam situasi yang getir ini, Allah telah memerintahkan Nabi Musa (a.s) memukul Laut Merah dengan tongkatnya sehingga laut itu terbelah dua dan boleh dilalui. Bani Isra'il berjaya menyeberangi Laut Merah menuju ke Palestin dengan selamatnya. Sebaliknya Fir'aun dan tenteranya dimusnahkan Allah setelah Laut Merah itu dicantumkan semula sebaik sahaja Nabi Musa dan Bani Isra'e'l selamat sampai ke seberang. Ini dinyatakan oleh Allah melalui firmannya:

فَأَوْحَيْنَا إِلَىٰ مُوسَىٰ أَنْ أَضْرِبْ بِعَصَابَ الْبَحْرِ فَانْفَلَقَ فَكَانَ كُلُّ فِرْقٍ  
 كَالْعَطُودِ الْعَظِيمِ ﴿٦٤﴾ وَأَزْلَفْنَا ثُمَّ الْآخَرِينَ ﴿٦٥﴾ وَأَنْجَيْنَا مُوسَىٰ وَمَنْ  
 مَعَهُ وَأَجْمَعِينَ ﴿٦٦﴾ ثُمَّ أَغْرَقْنَا الْآخَرِينَ

Maksudnya: “Lalu Kami mewahyukan kepada Nabi Musa; Pukullah akan lautan itu dengan tongkatmu ! (setelah dipukul) maka terbelahlah laut itu, lalu terjadilah air yang terbelah itu seperti gunung yang besar. Dan Kami dekatkan golongan yang lain itu (Firaun dan tenteranya) ke situ. Dan Kami selamatkan Nabi Musa dan orang-orang yang bersama dengannya. Kemudian Kami tenggelamkan golongan yang lain (yang mengejarnya dari belakang).” (Surah al-Syu’ara:, ayat 63 – 66).

Seterusnya Allah mengingatkan Bani Isra’el bahawa janji Allah kepada Nabi Musa (a.s) untuk dikurniakan kitab Taurat dalam tempoh empat puluh hari sebagaimana firman Allah yang berikut:

وَإِذْ وَاعْدَنَا مُوسَىٰ أَرْبَعِينَ لَيْلَةً ثُمَّ أَتَخَذْتُمُ الْعِجْلَ مِنْ بَعْدِهِ  
 وَأَنْتُمْ ظَالِمُونَ ﴿٥١﴾

Maksudnya: “ Ingatlah, ketika Kami berjanji memberikan tempoh kepada Musa selama empat puluh malam. Sepeninggalannya, kamu (Bani Isra’il) menyembah patung anak lembu. Kamu sebenarnya adalah orang-orang yang zalim” (Surat Al-Baqarat, ayat 51).

Dalam tempuh pemergian Nabi Musa (a.s) bermunajat di bukit “Tu:r Sina:” , Nabi Harun telah diperintahkan untuk mengantikannya sebagai pemimpin kaumnya. Bagaimanapun Bani Isra’el tidak sabar menunggu kepulangan Nabi Musa (a.s), lalu sebahagian daripada mereka menjadi kufur dengan menyembah patung anak lembu. Setelah kembalinya Nabi Musa (a.s), baginda terlalu murka dan menyuruh mereka supaya

kembali bertaubat kepada Allah. Cara bertaubat daripada kesalahan ini ialah setiap seorang daripada mereka mesti membunuh diri supaya dosa mereka dapat diampuni oleh Allah, sebagaimana firman Allah;

وَإِذْ قَالَ مُوسَى لِقَوْمِهِ يَدْعُوْمِ إِنَّكُمْ ظَلَمْتُمْ أَنفُسَكُمْ بِأَنْتُخَادِ كُمْ أَعْجَلَ فَتُوبُوا إِلَيَّ بَارِيْكُمْ فَاقْتُلُوا أَنفُسَكُمْ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَكُمْ عِنْدَ بَارِيْكُمْ فَتَابَ عَلَيْكُمْ إِنَّهُ هُوَ الْتَّوَابُ الْرَّحِيمُ

٥٤

Maksudnya: “*Ingatlah ketika Nabi Musa berkata kepada kaumnya: Wahai kaumku ! Sesungguhnya kamu telah menganiayai diri sendiri dengan menjadikan patung anak lembu sebagai sembahannya. Maka bertaubatlah kepada Allah yang menjadikan kamu, iaitu dengan cara membunuh diri. Hal itu adalah lebih baik bagi kamu di sisi Allah. Dialah yang Maha Pengampun lagi Maha Penyayang*” (Surah al-Baqarat, ayat 54).

Setelah Allah menurunkan kitab Taurat, Bani Isra’el telah berjanji untuk beramal dengan isi kandungannya. Perjanjian ini dibuat dengan terangkatnya gunung Tu:r Sina:’ di atas kepala mereka sebagai satu persaksian supaya mereka dapat berpegang teguh dengan ajaran kitab Taurat, di samping menjaga kesuciannya. Berita ini disampaikan oleh Allah dalam ayat yang berikut:

وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَكُمْ وَرَفَعْنَا فَوْقَكُمْ الْطُورَ خُذُوا مَا أَتَيْنَاكُمْ بِقُوَّةٍ وَإِذْ كُرُوا مَا فِيهِ لَعْلَّكُمْ تَتَقْبَلُونَ

٦٣

Maksudnya: “*Ingatlah, ketika Kami mengikat perjanjian dengan kamu (Bani Isra’el), Kami angkatkan bukit Tu:r Sina:’ ke atas kamu supaya kamu berpegang teguh dengan apa yang kami kurniakan (kitab Taurat). Ingatlah segala kandungannya, semoga kamu bertaqwa.*” (Surah Al-Baqarah, ayat 63).

Namun demikian, selepas perjanjian dibuat, mereka tetap melanggarnya. Antara janji-janji yang dibuat ialah, sebagaimana yang terkandung dalam ayat yang berikut:

وَإِذْ أَخَذْنَا مِيشَقَ بَنِتَ إِسْرَائِيلَ لَا تَعْبُدُونَ إِلَّا اللَّهُ وَبِالْأَوَالِدَيْنِ  
إِحْسَانًا وَذِي الْفُرْبَى وَالْيَتَمَّى وَالْمَسْكِينِ وَقُولُوا لِلنَّاسِ  
حُسْنَا وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَاعْثُوا الْرَّكُوْنَةَ ثُمَّ شَوَّلَيْتُمْ إِلَّا قَلِيلًا مِنْكُمْ  
وَأَنْتُمْ مُعَرِّضُونَ

۸۳

Maksudnya: “Dan ketika Kami mengambil janji dari Bani Isra’el supaya mereka tidak menyembah selain Allah, dan berbuat kebaikan kepada kedua ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim dan orang-orang miskin, dan ucapkanlah percakapan yang baik dengan manusia, dan tunaikanlah sembahyang dan bayarlah zakat. Kemudian itu, kamu sekalian berpaling, kecuali sebahagian kecil daripada kamu dan kamu tidak mengambil peduli.” (Surah Al-Baqarah, ayat 83).

Berdasarkan ayat di atas, terdapat lima perkara pokok yang diperintahkan oleh Allah untuk dilaksanakan oleh Bani Isra’el, iaitu:

- i. Tidak menyembah selain daripada Allah.
- ii. Berbuat baik kepada ibu bapa, kaum kerabat, anak yatim dan orang-oarang miskin.
- iii. Bercakap baik sesama manusia.
- iv. Menunaikan solat.
- v. Mengeluarkan zakat

Mereka berjanji melaksanakan semua janji-janji itu, tetapi sebahagian besar daripada mereka melanggar perjanjian setia itu serta menolak syariat Allah. Orang yang bersikap demikian hanya mementingkan kehidupan dunia semata-mata. Hanya sebahagian kecil sahaja daripada mereka yang beriman dan patuh dengan ajaran yang terkandung dalam kitab Taurat. Dalam ayat seterusnya Allah berfirman:

وَلَقَدْ عَلِمْتُمُ الَّذِينَ أَعْتَدَوْا مِنْكُمْ فِي السَّبْتِ فَقُلْنَا لَهُمْ كُونُوا

قردةٌ خَسِئِينَ ١٥

Maksudnya: “*Dan sesungguhnya kamu mengetahui orang-orang yang melanggar peraturan di antara kamu pada hari Sabtu, Oleh kerana itu maka Kami katakan kepada mereka: “Jadilah kamu sebagai kera-kera yang hina (lagi dibenci orang).* (Surah Al-Baqarah , ayat 65).

Dalam ayat di atas, Allah menerangkan bahawa orang-orang Isra'eel dilarang menangkap ikan pada hari Sabtu. Bagi bangsa Yahudi, hari Sabtu adalah hari kebesaran agama mereka untuk beramal ibadat dan sebagai cuti umum. Bagaimanapun pada hari tersebut, terdapat banyak ikan di laut berbanding dengan hari-hari yang lain.

Keadaan ini menimbulkan rasa tamak dan haloba di kalangan sebahagian daripada mereka, dan mereka terus mengambil keputusan untuk menangkap ikan pada hari tersebut tanpa menghiraukan larangan Allah. Akibat daripada perbuatan dan perlanggaran janji tersebut, mereka telah dilaknat oleh Allah dengan menjadi kera-kera yang hina. Peristiwa ini bertujuan untuk memberi peringatan kepada orang-orang yang bertakwa supaya dapat mengambil pengajaran dan iktibar.

Bangsa Yahudi ini juga terkenal dengan sikap cerewet dan banyak soal. Ini dinyatakan oleh Allah melalui firmanNya:

وَإِذْ قَالَ مُوسَى لِقَوْمِهِ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَن تَذَبَّحُوا بَقَرَةً قَالُوا أَتَتَخْذِدُنَا  
هُرُونًا قَالَ أَعُوذُ بِاللَّهِ أَن أَكُونَ مِن الْجَاهِلِينَ ﴿٦٧﴾ قَالُوا أَدْعُ لَنَا رَبَّكَ  
يُبَيِّنَ لَنَا مَا هِيَ قَالَ إِنَّهُ وَيَقُولُ إِنَّهَا بَقَرَةٌ لَا فَارِضٌ وَلَا بِكُرُّ عَوَانٌ  
بَيْنَ ذَلِكَ فَافْعَلُوا مَا شُوِّرْتُونَ ﴿٦٨﴾ قَالُوا أَدْعُ لَنَا رَبَّكَ يُبَيِّنَ لَنَا مَا  
لَوْنُهَا قَالَ إِنَّهُ وَيَقُولُ إِنَّهَا بَقَرَةٌ صَفْرَاءٌ فَاقْعُ لَوْنُهَا شَسْرٌ الظَّاهِرِينَ ﴿٦٩﴾

Maksudnya: “ Dan ketika Musa berkata kepada kaumnya: “Sesungguhnya Allah memerintahkan kamu menyembelih sapi betina” Kata mereka: Adakah engkau hendak memperlok-lokkan kami? Kata Musa: Aku memohon perlindungan kepada Allah supaya aku jangan termasuk di kalangan orang-orang yang bodoh”Kata mereka: Mohonkanlah untuk kami kepada tuhan kamu, supaya dijelaskan sapi betina yang bagaimana!. Kata Musa: Sesungguhnya tuhan mengatakan, bahawa sapi betina itu tidak tua dan tidak pula terlalu muda, iaitu pertengahan di antara keduanya.Oleh itu, lakukanlah yang apa yang disuruh. Mereka berkata lagi: Mohonlah untuk kami kepada Tuhanmu supaya dijelaskan apakah warnanya? Kata Musa: Sesungguhnya Tuhan mengatakan bahawa sapi itu berwarna kuning lagi menarik bagi sesiapa yang memandangnya .

Firman .Allah lagi:

قَالُوا أَدْعُ لَنَا رَبَّكَ يُبَيِّنَ لَنَا مَا هِيَ إِنَّ الْبَقَرَ تَشَبَّهُ عَلَيْنَا وَإِنَّا  
إِن شَاءَ اللَّهُ لَمْهَتِدُونَ ﴿٧٠﴾ قَالَ إِنَّهُ وَيَقُولُ إِنَّهَا بَقَرَةٌ لَا ذُلُولٌ ثُبِيرٌ  
الْأَرْضَ وَلَا تَسْقِي الْحَرَثَ مُسَلَّمَةٌ لَا شَيْءٌ فِيهَا قَالُوا أَلَئِنْ جِئْتَ  
بِالْحَقِّ فَذَبَّحُوهَا وَمَا كَادُوا يَفْعَلُونَ ﴿٧١﴾

Maksudnya: “*Kata mereka mohonlah untuk kami kepada Tuhanmu supaya dijelaskan sapi yang mana satu, kerana sapi itu belum jelas bagi kami dan sesungguhnya jika Allah kehendaki, tentulah kami akan mendapat pertunjuk*”. Kata Musa: Sesungguhnya Tuhan mengatakan, bahawa sapi itu bukanlah yang digunakan untuk membajak tanah dan mengangkut air, sihat dan tidak berbelang warnanya sedikit pun. Kata mereka: Sekarang engkau telah menerangkan perkara yang sebenarnya dengan jelas, lalu mereka pun melakukan sembelihan, di mana mereka hampir-hampir tidak mampu melaksanakannya.”. (Surah al-Baqarat, ayat 70 -71).

Di antara intisari dan kandungan ayat-ayat tersebut, Allah memerintahkan kepada Bani Isra’el supaya menyembelih seekor lembu (sapi) betina untuk mengesan pembunuh seorang hartawan. Mereka menganggap perintah itu sebagai suatu senda gurau semata-mata. Walau bagaimanapun mereka memohon kepada Nabi Musa (a.s) supaya Allah menerangkan sifat-sifat lembu tersebut. Allah menerangkan bahawa sifat-sifat lembu tersebut ialah pertengahan umur, berwarna kuning tua dan sedap mata memandangnya. Walaupun begitu, mereka masih bertanya sehingga dijelaskan bahawa lembu itu tidak digunakan untuk membajak, mengangkut air siraman, tidak cacat dan tidak berbelang. Setelah itu barulah mereka berusaha mencari lembu yang dinyatakan dan menyembelihnya. Oleh kerana sikap mereka yang cerewet, menyebabkan mereka hampir gagal melaksanakan perintah tersebut. Dalam ayat 72 dan 73 pula, dinyatakan berlaku tuduh menuduh sesama orang Yahudi tentang siapa pembunuh hartawan itu. Nabi Musa (a.s) pun menyuruh seorang daripada mereka memukul mayat hartawan seperti yang diperintahkan Allah dengan satu daripada anggota lembu yang telah disembelih. Dengan izin Allah, hartawan yang tersebut terus hidup dan memberitahu siapakah pembunuh sebenar, iaitu sepupunya yang tamakkan hartanya.

Seterusnya Allah menceritakan perihal dan sikap Bani Isra'il terhadap para Rasul yang diutuskan kepada mereka. Keingkaran mereka terhadap seruan yang disampaikan oleh para Rasul dan Nabi dibalas dengan kezaliman dan ramai di kalangan para mereka dibunuh dengan kejam. Hal ini dinyatakan melalui firman Allah seperti berikut:

وَلَقَدْ عَاتَيْنَا مُوسَى الْكِتَابَ وَقَفَّيْنَا مِنْ بَعْدِهِ بِالرُّشْلِ وَعَاتَيْنَا عِيسَى أَبْنَ مَرِيمَ الْبَيْتَ وَأَيَّدْنَاهُ بِرُوحِ الْقَدْسِ أَفَكُلَّمَا جَاءَكُمْ رَسُولٌ بِمَا لَا تَهْوَى أَنفُسُكُمْ أَسْتَكِبْرُ ثُمَّ فَقَرِيرًا كَذَّبُتُمْ وَفَرِيقًا نَقْتُلُونَ ۸۷

Maksudnya: “Sesungguhnya Kami telah kurniakan kitab Taurat kepada Musa dan Kami susuli dengan beberapa orang Rasul. Kami kurniakan beberapa mukjizat kepada ‘Isa anak Maryam dan Kami perteguhkan dia dengan Ruh al-Quds. Apakah patut tiap-tiap kali datang seorang Rasul membawa pengajaran yang tidak sesuai dengan hawa nafsu kamu, secara angkuh kamu menolaknya. Kamu dustakan beberapa orang di antara mereka dan kamu bunuh beberapa orang yang lain.” (Surah Al-Baqarat ,ayat 87).

Dalam ayat di atas, Allah menerangkan bahawa Dialah yang menurunkan kitab Taurat kepada Nabi Musa (a.s), kemudian beberapa orang Rasul diutuskan untuk meneruskan ajarannya. Allah juga mengutus Nabi ‘Isa Ibn Maryam yang diperteguhkan dengan Malaikat Jibril (a.s) dan beberapa mukjizat bagi membuktikan kerasulan baginda. Bagaimanapun orang-orang Yahudi tetap tidak beriman dengan kedatangan Nabi ini dan menafikan kerasulannya, bahkan mereka sanggup membunuh para Nabi dan Rasul yang diutuskan kepada mereka seperti yang menimpa ke atas Nabi Sa:leh dan Yahya. Dengan itu, Allah melaknat orang-orang Yahudi dan menutup pintu hati mereka supaya terus menjadi kufur kepada Allah.

Sekiranya bukan kerana limpah kurnia Allah dan rahmatnya kepada mereka nescaya Allah akan musnahkan mereka tanpa meninggalkan saki baki keturunan Bani Isra'il dari bangsa Yahudi.

#### **4.2.9 Cerita Ta:lu:t Dan Ja:lu:t**

Cerita dan kisah mengenai T:alu:t dan Ja:lu:t ini dipaparkan dalam al-Qur'an dalam surah al-Baqarat dari ayat 246 hingga 252. Intisari kisah ini bermula selepas kewafatan Nabi Musa (a.s) di mana seorang Nabi yang bernama Shamwi:l telah dilantik menggantikan baginda untuk memimpin Bani Isra'il. Bani Isra:e:l meminta Nabi Syamwi:l supaya melantik seorang raja di kalangan mereka untuk memimpin mereka berperang dengan raja Ja:lu:t yang suka menindas dan mengusir mereka keluar dari negeri , tempat tumpah darah mereka. Kemudian Allah mengutuskan seorang raja untuk Bani Isra'il yang bernama Ta:lu:t. Perlantikan itu tidak dipersetujui oleh Bani Isra'il dengan alasan bahawa Ta:lu:t tidak layak menjadi pemimpin kerana dia bukan daripada golongan kaya raya. Allah menerangkan walaupun Ta:lu:t tidak kaya, namun dia mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas dalam selok belok peperangan serta mempunyai tubuh badan yang kuat.

Selaras itu, Bani Isra'il meminta kepada Nabi Syamwi:l supaya menerangkan tanda-tanda pengenalan raja mereka. Melalui wahyu, Nabi Syamwi:l menerangkan bahawa raja yang itu ialah seorang yang membawa peti tempat menyimpan kitab Taurat yang telah dirampas oleh pihak musuh dalam satu peperangan.

Untuk menentang raja *Ja:lu:t*, Bani Isra'il terpaksa mengharungi sebatang sungai sebagai satu ujian untuk menghadapi perperangan. Nabi Syamwi:l mengatakan sesiapa yang meminum air sungai itu dengan banyak sehingga puas, maka mereka bukanlah daripada pengikutnya dan sesiapa yang meminumnya sekadar untuk mengilangkan dahaga maka mereka adalah daripada kalangan pengikutnya. Kebanyakan tentera Bani Isra'il terus meminum air sungai tersebut sepuas-puasnya kecuali sebilangan kecil yang meminum sekadar menghilangkan dahaga.

Setelah tentera Bani Isra'il menyeberangi sungai, mereka terus berhadapan dengan tentera-tentera raja *Ja:lu:t*. Tentera-tentera yang telah meminum air sungai dengan sepuas-puasnya berasa gerun dan takut dan tidak terdaya untuk berperang menentang tentera *Ja:lu:t*. Manakala mereka yang meminum air sungai sekadar menghilangkan dahaga pula merasa yakin dengan pertolongan Allah dan bersedia untuk bertempur dengan tentera *Ja:lu:t*. Mereka yakin bahawa kumpulan yang kecil boleh mengalahkan kumpulan yang besar dengan izin Allah.

Kekuatan semangat dan kesabaran serta keyakinan yang jitu dengan pertolongan Allah, mereka telah berjaya mengalahkan musuh. Dalam pertempuran tersebut, *Jalut* dibunuh oleh Nabi Daud yang turut menyertai pertempuran yang hebat. Demikianlah sunnah Allah, kemenangan akhirnya berpihak kepada orang-orang yang benar. Dengan kemenangan ini, Daud telah dilantik menjadi Nabi dan diberikan kuasa pemerintahan dan hikmat (kebijaksanaan) yang luas. (Sharfan Abd. Halim dan Ishak Hasan, 1992 : 148-149)

### **4.3 Penutup**

Kisah-kisah dan cerita-cerita yang dipaparkan dalam al-Qur'an membawa pengajaran yang berguna kepada umat Islam khususnya dan manusia seluruhnya. Ia memaparkan suatu sketsa kehidupan yang penuh dengan pengajaran yang berguna. Sejarah umat manusia selalunya akan berulang. Mereka yang mentaati Allah dan Rasulnya akan beroleh kejayaan, manakala golongan yang menderhakai Allah dan Rasulnya akan menerima azab siksa yang amat pedih.

Sebagai umat Islam, kita harus memahami bahawa kisah-kisah yang dipaparkan oleh al-Qur'an menjadi satu pengajaran dan pedoman dalam menjalani kehidupan di dunia ini. Kisah para Nabi umpamanya, besar sekali pengaruhnya pada jiwa umat Islam yang benar-benar mahu mengambil contoh dan tauladan yang baik. Ini adalah kerana, para Nabi dan Rasul adalah manusia-manusia pilihan Allah, di mana riwayat hidup mereka penuh dengan kisah-kisah tauladan yang suci.